

ملاك هاري اين

LOKAL

Jawatankuasa khas tangani ancaman haiwan perosak

MUKA 10



SMART A+

SPM ENGLISH PAPER 1119 PAPER 1

Teknik menjawab soalan SPM English Paper 1119



MUKA 15

Edisi 25 | 23 November 2020 - 29 November 2020 | 7 Rabiulakhir 1442H - 13 Rabiulakhir 1442H | PP 19464/D4/2019/ (035072) | Sejak 1982 | www.melakahariini.my | Melakahariini

NASKAH PERCUMA

ANGKA TERKINI COVID-19
Dikemaskini setakat 20 November 2020, 12 pm

PULIH : 956

KES BAHRU : 958

KES KEMATIAN : 3

KES KESELURUHAN : 52,638



FOKUS RANCAKKAN PELANCONGAN MELAKA

Foto MR Azli

PELAKSANAAN PKPB di Melaka menyaksikan sektor pelancongan antara yang paling terkesan sepanjang tempoh tersebut terutamanya membabitkan industri perhotelan dan homestay. Menyedari hal itu, Kerajaan Negeri kini sedang merangka pelbagai langkah dan inisiatif dalam memulihkan sektor pelancongan negeri.

Berita penuh di muka 3 & 4

SEMASA



PKPB
Melaka
tamat

MUKA 5



Posisi
Zainal jadi
rebutan?

MUKA 23

Perjanjian tambak laut dengan pemaju Melaka Gateway ditamatkan

AYER KEROH - Kerajaan negeri menamatkan perjanjian penambakan laut dengan syarikat pemaju Melaka Gateway, KAJ Development Sdn. Bhd. (KAJD).

Perjanjian itu yang bermula sejak 4 Oktober 2017 itu ditamatkan berikutan syarikat berkenaan didapati gagal menyiapkan projek penambakan laut seluas 609 ekar di Daerah Melaka Tengah mengikut tempoh ditetapkan.

Menurut kenyataan Pejabat Ketua Menteri, satu notis penamatkan perjanjian sudah dikemukakan kepada syarikat terbabit pada 16 November lepas.

"Mereka (syarikat) juga dikehendaki menyerahkan tapak projek berkenaan berkuat kuasa daripada notis penamatkan itu dieluarkan oleh Kerajaan Melaka," katanya.

Susulan itu, katanya, segala urusan berbangkit mengenai tapak projek Melaka Gateway hendaklah berhubung terus dengan kerajaan negeri.

Melaka Gateway adalah projek pembangunan komersial bercampur di kawasan seluas 246.4 hektar terdiri daripada empat pulau.

Tiga daripada pulau itu dengan dua darinya merupakan pulau buatan manusia dijangka siap pada



PERJANJIAN itu yang bermula sejak 4 Oktober 2017 itu ditamatkan berikutan syarikat berkenaan didapati gagal menyiapkan projek penambakan laut seluas 609 ekar di Daerah Melaka Tengah mengikut tempoh ditetapkan.

(Foto Sumber Internet)

2025 dan dianggarkan bernilai RM43 bilion, bagi memperkasakan sektor pelancongan, harta tanah dan perkembangan maritim.

Manakala, pulau keempat, iaitu Pulau Melaka dilaporkan bakal menjadi pusat aktiviti maritim dan taman industri maritim yang akan dibangunkan KAJD bersama Kerajaan Guangdong, China dan Perbadanan Ketua Menteri (CMI).

Melaka Gateway merupakan antara projek berskala mega bagi menyahut inisiatif 'Satu Jalur, Satu Jalan' yang dilaksanakan Kerajaan China pada 2013.

Inisiatif itu merupakan strategi pembangunan ekonomi yang menyatukan wilayah Asia menjadi lokasi pembangunan ekonomi terbesar melalui pembangunan infrastruktur melibatkan Asia Timur, Asia Selatan, Asia barat, Asia Teng-

gara, Timur Tengah dan Eropah.

Dalam masa sama, ia juga dirancang untuk mengukuhkan ekonomi negara menerusi hubungan silaturrahim yang telah terjalin antara Melaka dan China kira-kira 600 tahun lalu.

Ia telah dirasmikan mantan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan dikatakan dapat membantu sasaran kerajaan menerima kunjungan 36 juta pelancong men-

Harap projek Melaka Gateway diteruskan

Liana Sahabudin

Melaka Gateway mampu menarik pelancong luar datang ke Melaka, jadi ia memberi kesan kepada kita," katanya kepada MHI.

Katanya, projek itu perlu diteruskan memandangkan lokasinya hanya terletak beberapa meter dari The Riviera Melaka.

Sementara itu, Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Melaka, Sa'ari Basiron berkata, projek Melaka Gateway perlu diteruskan kerana ia memberi impak pelancongan antarabangsa.

"Kita harap projek ini boleh direalisasikan sebab memberi impak pelancongan antarabangsa kepada Negeri Melaka.

"Jika ia di-teruskan sudah



SA'ARI

pasti mampu menarik kedatangan pelancong ke Melaka bukan hanya tempatan malah luar negara," katanya.

Untuk rekod perjanjian Projek Melaka Gateway bermula sejak 4 Oktober 2017 ditamatkan berikutan syarikat

berkenaan gagal menyiapkan projek penambakan laut seluas 609 ekar di Daerah Melaka Tengah mengikut tempoh ditetapkan.

Melaka Gateway adalah projek pembangunan komersial bercampur di kawasan seluas 246.4 hektar terdiri daripada empat pulau.

Tiga daripada pulau itu dengan dua darinya merupakan pulau buatan manusia dijangka siap pada 2025 yang dianggarkan bernilai RM43 bilion bagi memperkasakan sektor pelancongan, harta tanah dan perkembangan maritim.

Manakala, pulau keempat iaitu Pulau Melaka bakal menjadi pusat aktiviti maritim dan taman industri mari-



WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang dilakukan secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.

23 November - 29 November 2020 (7 Rabiulakhir 1442H - 13 Rabiulakhir 1442H)

| | SUBUH | SYURUK | ZOHOR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|------------------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|
| 23 NOVEMBER 2020 | 5.46 am | 6.58 am | 1.00 pm | 4.23 pm | 6.59 pm | 8.12 pm |
| 24 NOVEMBER 2020 | 5.46 am | 6.58 am | 1.00 pm | 4.23 pm | 6.59 pm | 8.13 pm |
| 25 NOVEMBER 2020 | 5.46 am | 6.59 am | 1.01 pm | 4.23 pm | 7.00 pm | 8.13 pm |
| 26 NOVEMBER 2020 | 5.46 am | 6.59 am | 1.01 pm | 4.24 pm | 7.00 pm | 8.13 pm |
| 27 NOVEMBER 2020 | 5.47 am | 6.59 am | 1.01 pm | 4.24 pm | 7.00 pm | 8.14 pm |
| 28 NOVEMBER 2020 | 5.47 am | 7.00 am | 1.02 pm | 4.25 pm | 7.00 pm | 8.14 pm |
| 29 NOVEMBER 2020 | 5.47 am | 7.00 am | 1.02 pm | 4.25 pm | 7.01 pm | 8.15 pm |

Cadang guna cukai warisan bantu pelancongan Melaka

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sudah pasti memberi kesan terhadap ekonomi negara, tidak terkecuali Melaka antara negeri yang menerima tempias itu.

Namun, pemain industri tidak terus membiarkan sektor ekonomi di negeri ini lumpuh, malah mencari alternatif merancakkan kembali sektor pelancongan menerusi sebahagian peruntukan cukai warisan yang dikuatip, melibatkan dana sebanyak sebanyak RM10 juta.

Pengerusi Persatuan Hotel Bajet Negeri Melaka (Mybha) Sazali Sabri berkata, pihaknya bersama persatuan hotel lain akan membentangkan kertas cadangan mempromosi pelancongan Melaka.

"Kita buat persediaan bila PKPB dah habis kita promosi semula produk pelancongan Melaka dan saya percaya apabila sempadan negeri dibuka ekonomi di Melaka akan meningkat mendadak."

"Hasil cukai warisan yang ada kita usahakan untuk merangsang kembali pelancongan domestik dan

antarabangsa Melaka selepas keadaan kembali pulih.

"Kutipan ini daripada Tabung Amanah Caj Warisan Negeri Melaka dah lebih 10 tahun, bila tetamu datang 'check in' hotel mereka kena bayar RM2 ekstra untuk tabung ini," katanya kepada MHI.

Katanya menjangkakan kira-kira 50 peratus sektor pelancongan di Melaka kembali pulih pada bulan pertama selepas PKPB ditamatkan.

Pengerusi Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembalaan Malaysia (Matta) Melaka, Goh Hock Gin pula berkata, cadangan menggunakan cukai warisan itu bukan hanya membantu pengusaha hotel, malah sektor pelancongan di negeri ini.

"Kita cadang kepada Ketua Menteri gunakan cukai warisan untuk tolong pemain industri pelancongan, paling tidak ia dapat mengurangkan beban pemain industri di Melaka."

"Ketua Menteri suruh buat kertas cadangan untuk dibentangkan, harap ada maklum balas sebab pemain industri keseluruhannya mengalami kerugian masa ini," katanya.

Katanya, setakat hari ini seba-



HOCK GIN



SAZALI



KHAIRULNIZAM

nyak 15 hotel bajet sudah ditutup dan jika PKPB terus dilaksanakan tidak mustahil ia akan impak lebih besar.

"Kita harap kerajaan negeri boleh tolol dengan promosi, sebab itu kita minta 'special package' dari kerajaan negeri gunakan caj warisan untuk buat promosi supaya orang datang ke Melaka."

"Contohnya seperti keluarkan e-voucher RM50, RM100 untuk suruh orang datang ke Melaka dan secara tidak langsung membantu kurangkan perbelanjaan pemain industri," katanya.

Bersyarat (PKPB)," katanya ketika ditemui di chaletnya baru-baru ini.

Beliau berkata, selain pandemik berkenaan, hakisan pantai yang mengakibatkan kerosakan teruk pantai berhampiran chaletnya turut mengakibatkan kerugian besar dalam perniagaannya.

Hakisan pantai menyebabkan lima pondok wakaf dan tempat membakar ikan di

Manakala, Pengerusi Persatuan Hotel Malaysia (MAH) Melaka Khairulnizam Kasim berkata, cadangan menggunakan cukai warisan itu sebagai mekanisme membantu ekonomi pemain industri di Melaka.

"Caj warisan itu bukan semua, hanya separuh diminta untuk guna sebagai promosi membantu pihak hotel dari segi ekonomi."

"Kita akan buat satu mekanisme macam mana gunakan wang tersebut untuk bantu industri, masih dalam perbincangan lagi dan dalam dibentangkan untuk kelulusan," katanya.



YUSOF

tri pelancongan di negeri ini.

"Saya tidak nafikan memang ada insentif untuk membantu pemain industri pelancongan sepanjang COVID-19 melanda tetapi ia harus ditambah kerana pandemik itu tidak akan tamat dalam masa terdekat."

"Sebaliknya pandemik itu dijangka berlarutan lagi pada tahun hadapan dan tiada cara lain untuk menyelamatkan pemain industri itu, selain kerajaan mewujudkan lebih banyak skim bantuan kewangan," katanya.

'Bantu kami ringankan beban COVID-19'

Din Ahmad

TANJUNG BIDARA - Pengusaha chalet dan inap desa di sini merayu kerajaan, terutama pihak berkuasa tempatan (PBT) memansuhkan sementara caj cukai pintu dan lesen perniagaan bagi 2021.

Ia bagi membantu mereka meringankan beban menghadapi kesuraman perniagaan akibat pandemik COVID-19 sejak Mac lalu yang

dijangka berlarutan hingga tahun hadapan.

Pemilik Chalet Atie Ira di pantai peranginan Sungai Keretah, Pengkalan Balak, di sini, Yusof Yacob, 63, berkata Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) harus memansuhkan kutipan cukai dan caj lesen itu berikutan bebanan akibat pandemik berkenaan.

"Cukai pintu dan lesen perniagaan berjumlah

RM3,000 dan jika ia dapat dimansuhkan pada tahun hadapan, bebanan saya dan pengusaha chalet yang lain dapat diringankan.

"Sepanjang tahun ini, perniagaan saya terjejas amat teruk, terutama ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan dari 18 Mac hingga Jun lalu dan sekarang digantikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan

Bersyarat (PKPB)," katanya ketika ditemui di chaletnya baru-baru ini.

Beliau berkata, selain pandemik berkenaan, hakisan pantai yang mengakibatkan kerosakan teruk pantai berhampiran chaletnya turut mengakibatkan kerugian besar dalam perniagaannya.

Hakisan pantai menyebabkan lima pondok wakaf dan tempat membakar ikan di

gigi pantai musnah ditelan ombak pada Julai lalu.

Bagaimanapun, beliau memuji kerajaan negeri dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang disifatkanya mengatas masalah hakisan pantai serius hanya dalam tempoh tiga bulan.

Bagi Zulkifli Abdul Hadi, 63, pengusaha chalet, hotel dan inap desa di negeri ini harus dibantu melalui campur tangan kerajaan meminta institusi kewangan melonggarkan pembayaran balik pinjaman.

"Kebanyakan pengusaha berkenaan membuat pinjaman bagi memajukan perniagaan tetapi mereka amat terkesan dengan pandemik COVID-19."

"Saya merayu kerajaan campur tangan dengan meminta institusi perbankan melonggarkan kaedah pembayaran balik pinjaman kerana perniagaan yang jauh merosot tidak memungkinkan pengusaha membayar balik pinjaman seperti sebelum COVID-19 melanda negara," katanya yang memiliki inap desa Adi Village di pantai Pengkalan Balak.

Pemilik inap desa di Kampung Permatang, Kuala Sungai Baru, Md Yusof Ghazali, 45, berkata kerajaan harus menyediakan lebih banyak insentif bagi membantu pengusaha inap desa yang turut membantu memajukan indus-

Harap PKPB Melaka diberi kelonggaran - MTA

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Persatuan Pelancongan Melaka (MTA) mengharapkan supaya Negeri Melaka diberi kelonggaran dalam pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Presiden Persatuan Pelancongan Melaka (MTA), Madaline Kuah Wey Lee berkata, ia bagi membantu pemain industri khususnya sektor pelancongan yang terjejas teruk di negeri ini.

"Kami (MTA) berkesempatan bertemu dengan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali pada 19 November lepas, dan kami memohon supaya insentif melalui cukai warisan diberikan kepada pemain industri yang terkesan terutama agensi pelancongan dan pemandu pelancong.

"Kita juga minta kerajaan negeri memberi kelonggaran atau kebenaran kepada pemain industri memudahkan

pergerakan pelancong di Melaka," katanya.

Jelasnya, sehingga kini Kempen Melaka Visit Melaka Packages 2020 diteruskan, namun sambutan diterima tidak menggalakkan.

"Kempen ini memang diteruskan dan promosi 50 peratus termasuk makanan beli satu percuma satu, tapi bila ada kekangan pergerakan orang tidak dapat datang."

"Kalau pengunjung tidak boleh datang maka segala kempen pun tiada gunanya, semua ada promosi tapi terhad untuk keluar bersama keluarga itu membuatkan mereka lebih suka duduk di rumah," katanya.

Madaline berkata, setakat ini terdapat 80 ahli MTA yang berdaftar dan kesemuanya terkesan hampir 90 peratus dari segi pendapatan.

"Kalau hari biasa memang tiada orang, hujung minggu dahulu boleh ka-



MADALINE

takan 100 peratus penuh tetapi sekarang di Jonker Street pun dalam 30 peratus sahaja pengunjung yang datang.

"Pemandu pelancong pula dalam dua ke tiga bulan ini tidak peroleh sebarang pendapatan, termasuklah agensi pelancongan sebab tidak boleh rentas negeri," katanya lagi.

MELAKA HARIINI
Scan dan layari isu semasa di www.melakahariini.my



Subsidi Upah mampu bantu sektor pelancongan Melaka



PROGRAM Subsidi Upah yang diperkenalkan kerajaan memberikan manfaat dan meringankan beban pekerja hotel. (Gambar hiasan)

Saliawati Salberi

AYER KEROH - Program Subsidi Upah 2.0 yang akan diperkenalkan kerajaan dilihat mampu membela nasib pihak yang terkesan susulan penularan wabak COVID-19 termasuk sektor pelancongan di negeri ini.

Pengerusi jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan negeri Datuk Jailani Khamis berkata, walau-pun keberkesanannya program ini hanya dapat nilai selepas dilaksanakan kelak namun beliau percaya ia secara tidak langsung akan membantu me-

reka yang terkesan.

"Keberkesanannya hanya boleh dinilai selepas program ini dilaksanakan dalam sesuatu tempoh tertentu dan kemudian dinilai semula berdasarkan hasil serta statistik yang diterima.

"Secara peribadi apa sahaja yang baik untuk rakyat sudah tentu saya terima dan mengalu-alukan selain berharap program ini dapat sedikit sebanyak menampang kesan pandemik COVID-19," katanya.

Ujar beliau, dalam memastikan kebajikan masyarakat terbeliau serta mengem-



JAILANI

balikan semula kerancakan sektor pelancongan khususnya di Melaka, pelbagai usaha akan dilakukan pihak kerajaan.

"Yang penting kita harus mencuba dan terus mencuba untuk memberikan yang terbaik dalam menyelesaikan sesuatu masalah," katanya.

Cari jalan pulih pelancongan Melaka

Mohamad Fazrul Abdul Majid
Foto MR. Azli

SARANAN daripada persatuan hotel dan pelancongan untuk menggunakan dana bernilai RM10 juta dari pada cukai warisan bagi tujuan promosi pelancongan Negeri Melaka dilihat sukar untuk direalisasikan.

Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata ia berikutnya, segala cukai yang dikutip oleh Kerajaan Negeri tidak boleh sewenang-wenangnya diajihkan kepada entiti tertentu sebaliknya ia adalah untuk rakyat secara umum.

Jelasnya, beliau memahami segalah kesukaran dan kesulitan yang dihadapi pemain industri pelancongan pada masa kini, justeru pihaknya akan mencari jalan lain yang lebih berkesan untuk memberikan bantuan sewajarnya.

"Kita terima 30 permintaan dari pada persatuan-persatuan hotel dan

pelancongan negeri ini. Mereka minta penghapusan cukai, penanganan cukai, penggunaan tabung amanah caj warisan, penggunaan tabung amanah pelancongan dan macam-macam lagi.

"Persatuan perlu faham, kalau ada sekali pun penggunaan wang kutipan cukai daripada kerajaan negeri adalah untuk tujuan rakyat. Ia tidak boleh dikhususkan kepada mana-mana persatuan atau entiti secara peribadi dan mestilah untuk kepentingan majoriti rakyat.

"Apapun, saya sebagai Exco akan cuba bantu dari segi teknikal atau mungkin penangguhan bayaran cukai dan sebagainya. Tapi untuk menggunakan cukai bagi tujuan pihak swasta ini pada saya ia bukanlah sesuatu perkara yang baik," katanya.

Mengulas lanjut strategi memulihkan sektor pelancongan negeri,

Muhammad Jailani berkata pihak Kerajaan Negeri kini sedang merangka pelbagai langkah dan inisiatif untuk tujuan tersebut selepas dilanda gelombang ketiga pandemik COVID-19 bulan lalu.

Menurutnya, antara langkah yang dijalankan pada masa kini ialah dengan menerima pelaburan-pelaburan baharu dalam sektor pelancongan dan pada masa menjadikan fasa 'sepi pelancong' pada masa kini untuk membaik pulih prasarana serta infrastruktur pelancongan di Melaka.

"Sebagai contoh, kini kita sedang membaik pulih Menara Taming Sari dengan menukar mesin jentera baharu yang dibawa dari Switzerland. Semua ini sedang kita tambah baik yang mana ia boleh digunakan apabila selepas segala-galanya kembali seperti biasa.

"Selain itu, kita juga bakal mem-



ANTARA pengunjung yang mengambil peluang menaiki bot Melaka River Cruise menerusi kempen Melakan Visit Melaka yang diperkenalkan baru-baru ini.

perkenalkan produk pelancongan baharu di kawasan sekitar Menara Taming Sari itu antaranya pembinaan Rumah Hantu yang dijangka akan dibuka pada perayaan Tahun Baru Cina 2021," katanya lagi.

Inisiatif rancakkan kembali pelancongan Melaka

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Melaka meneruskan kempen Melakan Visit Melaka Packages 2020 bagi merancakkan kembali sektor pelancongan di negeri ini.

Pengurus Besarnya, Sa'ari Basiron berkata, walaupun sukar menerima keadaan semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), namun kempen itu diteruskan untuk membantu kerajaan negeri ini.

"Jumlah itu menunjukkan peningkatan apabila kerajaan membenarkan pergerakan rentas negeri semula selepas 9 Jun."

"Bila dibenarkan rentas negeri, kita terima tempahan bilik hotel sebanyak 43,000 dari 10 Jun hingga 31 Disember, pada bulan Ogos pula kita catatkan 100 peratus tempahan bilik hotel," katanya.

"Ia hanya dapat dilaksanakan sekiranya orang ramai be-

INFO JUMLAH PELANCONG KE MELAKA

- ◎ Jumlah kedatangan pelancong ke Melaka pada Januari-Jun 2020, **3.01 juta**
- ◎ Ogos 2020 Melaka catat **100 peratus tempahan** bilik hotel
- ◎ Jumlah tempahan bilik hotel pada 10 Jun hingga 31 Disember 2020, **43,000**
- ◎ BPP edar **10,000 buku** katalog pelancongan Melaka

laksanakan di Melaka BPP menghadapikekangan kerana pengunjung dari Kuala Lumpur dan Selangor tidak lagi boleh datang.

"Bagaimanapun, BPP turut mengedarkan sebanyak 10,000 buku katalog pelan-

congan Melaka sebagai inisiatif membantu menarik kembali pelancong.

"Kita harapkan yang terbaik, buku ini masih diedarkan di setiap tempat-tempat tarikan, hotel-hotel dan banyak lagi," katanya lagi.



KEMPEN Melakan Visit Melaka Packages 2020 antara inisiatif kerajaan negeri merancakkan kembali sektor pelancongan Melaka.

PKPB Melaka tamat

IANA SAHABUDIN

AYER KEROH - Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Melaka ditamatkan pada 21 November (Sabtu) selepas menunjukkan trend penurunan kes positif COVID-19 sejak 5 November lalu.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, turut mengumumkan Negeri Jo-

hor (kecuali daerah Kota Tinggi dan Mersing), Kedah (kecuali daerah Kulim) dan Terengganu.

"Negeri Melaka secara kumulatif sejak 5 november 2020 sebanyak 61 kes positif direkodkan di seluruh negeri.

"Sehingga 18 november 2020 hanya terdapat 48 kes aktif yang direkodkan di seluruh Negeri Melaka dan hasil penilaian risiko Kemen-

terian Kesihatan Malaysia (KKM) keadaan adalah terkawal" katanya.

Beliau berkata demikian dalam siaran langsung sidang media Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 20 November lepas.

Jelasnya, atas nasihat KKM dan mesyuarat pada hari ini telah bersetuju untuk menamatkan PKPB di seluruh Negeri Melaka bermula 21 November 2020.



ISMAIL

Tuah reka logo, Azrul Rizad bawa pulang RM5,000

AYER KEROH - Rekaan logo oleh Azrul Rizad Othman bagi slogan rasmi Kerajaan Negeri Melaka iaitu 'Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamt Dunia' diumumkan sebagai pemenang hadiah utama bagi pertandingan reka cipta logo anjuran kerajaan negeri.

Azrul yang berasal dari negeri ini, menerima hadiah wang tunai berjumlah RM5,000 berserta sijil penghargaan yang disampaikan sendiri oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali di Seri Negeri,

pada 16 November lepas.

Manakala 10 pemenang saguhati pula menerima wang tunai masing-masing berjumlah RM500 berserta sijil penghargaan.

Sulaiman menerusi kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Menteri Melaka, mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pemenang Pertandingan Reka Cipta Logo 'Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamt Dunia'.

Pertandingan tersebut telah dilaksanakan bermula pada 29 Julai 2020 hingga 25

Ogos 2020 dan menyaksikan sebanyak 90 penyertaan dari seluruh negara telah diterima, antaranya dari Selangor, Johor dan majoriti penyertaan dari Melaka.

Sesi penjurian telah diajak pada 27 Ogos 2020 dan penjurian dilaksanakan secara profesional oleh empat orang juri yang diketuai oleh Pensyarah Seni Lukis dan Seni Reka, Penyelaras Imej, Rekaan Grafik, Fotografi dan Produksi, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka, Mohd. Hanif Mohd. Omar.

Berikut merupakan senarai nama pemenang sagu hati:

1. Rahizad Minhad dari Melaka
2. Mohd. Fauzi Harun dari Melaka
3. Nik Narimah Nik Abdullah dari Melaka
4. Md. Khairul Adni Abd. Rani dari Selangor
5. Husain Shahid Hafiz Al-Asadi, dari Selangor
6. Shahril Azizi Abu Bakar dari Melaka
7. Muhammad Syaiful Md. Nasir dari Melaka
8. Muhammad Fahmi Azri Mustafa dari Melaka
9. Suhailah Lamri dari Johor
10. Hail Jefri Rusli dari Melaka



SULAIMAN menyampaikan replika cek kepada pemenang utama pertandingan tersebut, Azrul Rizad Othman sambil disaksikan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Seri Dr. Hasim Hasan di Seri Negeri, sebentar tadi.



AZRUL Rizad menunjukkan logo rekaannya yang memberi tuah kemenangan dalam pertandingan logo itu.

COVID-19: Cabaran dan tanggungjawab keluarga bertambah

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Dalam kehidupan norma baharu, anggota keluarga perlu memainkan peranan penting melindungi keluarga masing-masing daripada penularan COVID-19.

Pengerusi Jawatank-

uasa Wanita, Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Kebajikan Negeri, Datuk Wira Latipah Omar berkata, usaha itu sekali gus membendung penularan pandemik itu dalam komuniti.

"Sempena sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan Negeri, saya menyeru ke-

pada semua ketua keluarga di negeri ini atau Malaysia mengutamakan keluarga mereka dahulu.

"Tanggungjawab dan cabaran keluarga juga makin bertambah, jika dulu enam bulan sekali buat pemeriksaan kesihatan, namun sekarang tiga bulan sekali,"

katanya ketika dihubungi MHI.

Katanya, tema sambutan (Bulan Keluarga Kebangsaan Negeri) tahun ini ialah 'Kita Jaga Keluarga' bertepatan dengan situasi ketika ini yang sedang menghadapi ancaman COVID-19.

"Kita nak ke arah negara sejahtera, jadi rakyat juga kena sihat dan menjaga diri mereka," katanya.

Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan bermula 1 November lalu dan majlis perasmian penutup disempurnakan Latipah pada 28 November ini.



LATIPAH

Melaka River Cruise sedia pakej menarik

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Melaka River Cruise (MRC) menawarkan potongan 50 peratus buat penduduk Melaka sempena Kempen Melakan Visit Melaka Packages 2020 yang dilancarkan baru-baru ini.

Menerusi promosi itu, individu yang memegang kad pengenalan kod 04 atau 03

serta bermastautin di Melaka bakal mendapat manfaat tersebut.

Harga tiket yang diberikan bagi dewasa RM12.50 manakala pelajar, warga emas, kanak-kanak dan golongan kelainan upaya (OKU) RM10.

Bagaimanapun, sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB),

perkhidmatan MRC akan beroperasi dari jam 9 pagi hingga jam 10 malam setiap hari bermula 9 November sehingga 6 Disember depan.

Tawaran diskaun sah sehingga hujung bulan Disember 2020 dan mereka yang ingin mengetahui lebih lanjut boleh melayari laman sesawang MRC di www.ppspm.gov.my.



SEPAJANG PKPB, perkhidmatan MRC akan beroperasi dari jam 9 pagi hingga jam 10 malam setiap hari bermula 9 November sehingga 6 Disember depan. (Gambar Fail)

Mini Malaysia & ASEAN Cultural Park Fokus program virtual tarik pelancong

AYER KEROH - Mini Malaysia & ASEAN Cultural Park (MMACP) memfokuskan pelaksanaan program secara virtual (maya) selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif MMACP Arif Faiz Zainudin berkata, program itu diadakan pada setiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad menerusi enam program yang berbeza.

"Bila PKPB pengunjung nak datang susah, jadi kita buat program 'virtual' untuk dedahkan kepada umum tentang ceramah keagamaan, aktiviti 'outdoor', zumba, program kecantikan, kesihatan dan banyak lagi."

"Akan ada dua slot program pada hari tersebut, di mana pada sebelah pagi bermula jam 8.30 pagi hingga 9.30 pagi dan sebelah petang pada jam 2.30 hingga 3.30," katanya.

Katanya, dengan adanya program 'virtual' orang ramai akan lebih mengenali MMACP selain aktiviti yang ditawarkan di taman tersebut.

"Kita harap pengunjung datang, cuma bila ada wabak pandemik COVID-19 me-



AKTIVITI 'outdoor' turut disediakan.

mang susah orang nak datang sebab takut.

sung di Facebook rasmi MMACP.

"Setakat ini 'virtual event' seperti aktiviti zumba sudah mendapat lebih 1,000 tontonan umum di Facebook, ini termasuklah program masakan yang juga mendapat tontonan yang ramai."

"Kalau kita lihat dari sudut negatif, kita akan rehat dan tunggu, tapi kalau kita lihat dari sudut positif kita akan menjadi lebih kreatif," katanya.

Arif Faiz berharap program 'virtual' mampu menarik lebih ramai pelancong ke MMACP khususnya menerusi tontonan secara lang-



MUZIUM Istana Kesultanan Melaka antara yang dibuka sepanjang tempoh PKPB ini. (Foto Sumber Internet)

Dua muzium dibuka, tawar diskaun 50 peratus

AYER KEROH - Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang bermula dari 9 November hingga 6 Disember 2020, hanya dua muzium dibuka di bawah Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) iaitu Muzium Sejarah dan Ethnografi (Bangunan Stadthuys) serta Muzium Istana Kesultanan Melaka.

Malah, diskaun tiket sebanyak 50 peratus turut ditawarkan kepada anak negeri Melaka atau pemegang kad pengenalan kod 04 dan

30 jika berkunjung ke dua muzium tersebut.

Promosi bermula 12 November sehingga 6 Disember 2020.

Orang ramai dinasihatkan agar mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan dan sentiasa memakai pelitup muka serta sanitasi diri.

Sebarang maklumat lanjut boleh hubungi pihak PERZIM di talian 06 2826526 atau 06 2811289 (Unit Pemasaran & Pendidikan) atau email terus ke admin@perzim.gov.my.

MPJ sampaikan sumbangan kepada golongan kurang berkemampuan

Juraidah Othman

JASIN - Seramai 20 keluarga berketurunan India yang kurang berkemampuan diraikan Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) sempena perayaan Deepavali baru-baru ini apabila menerima sumbangan makanan daripada Pihak Berkusa Tempatan (PBT) tersebut.

Yang Dipertua MPJ, Datin Sapiah Haron berkata, pemberian sumbangan itu bertujuan meringankan beban mereka bagi menyambut perayaan Deepavali khususnya ketika seantero dunia sedang dilanda pandemik COVID-19.

Beliau berkata, program tersebut merupakan acara tahunan MPJ apabila menjelangnya musim perayaan di negara ini dan ianya juga merupakan usaha berterusan bagi membantu go-

longan yang memerlukan menikmati kegembiraan bagi menyambut perayaan yang diraikan bersama keluarga tersayang.

"Diharapkan dengan sumbangan ini, sedikit sebanyak dapat memberi keceriaan dan kegembiran kepada mereka menyambut perayaan Deepavali," katanya.

Dalam pada itu, Sapiah berkata, program itu juga bermatlamat membantu meringankan beban dan kesusaahan masyarakat setempat dalam meraikan kedatangan Deepavali.

"Walaupun sambutan perayaan Deepavali pada tahun ini tidak semeriah seperti tahun-tahun sebelumnya, namun ianya tetap disambut secara segerhana oleh masyarakat India di negara ini.



SAPIAH (baju hitam) bertanya khabar kepada salah seorang penerima bantuan yang mengalami masalah kesihatan ketika mengetui program sumbangan Deepavali anjuran MPJ, baru-baru ini.

Berita baik buat pencarum KWSP

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Program i-Sinar yang diperkenalkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bermula bulan depan disifatkan sebagai berita gembira buat rakyat, tatkala mendepani cabaran pandemik COVID-19.

Dalam tinjauan Melaka Hari Ini (MHI) di pekarangan bangunan KWSP, di sini, rata-rata rakyat menyambut baik pengumuman tersebut apatah lagi skopnya kini diperluaskan merangkumi pencarum kehilangan pekerjaan, diberi cuti tanpa gaji atau tiada sumber pendapatan.

Bagi Nur Salsabila Zaninal, 22 kebenaran khas itu nyata memberi kelegaan buatnya apatah lagi baru sahaja kehilangan kerja pada Oktober lalu hingga membuatnya kini hilang sumber pendapatan bulanan.

Dia yang juga bekas pekerja di sebuah farmasi berkata, dengan adanya bantuan pengeluaran itu, ia seakan memberi nyawa kedua buatnya untuk meneruskan kelangsungan hidup termasuk

membantu menara keluarga.

"Saya anak tunggal dan masih ada ibu bapa. Jadi, saya juga perlu menanggung keluarga. Bila bergelar penganggur, saya hilang sumber pendapatan. Hendak cari kerja baharu sekarang pun faham-fahamlah bukannya mudah."

"Jadi, bila dikhabarkan boleh keluar Akaun 1 KWSP memang saya lega. Sedikit sebanyak pengeluaran itu dapat membantu saya menyelesaikan banyak perkara buat sementara waktu termasuklah pembayaran ansuran rumah dan kereta yang sebelum ini terjejas," kata dia.

Hal sama turut dipersebutui seorang pegawai keselamatan, Jasli Ali, 60, yang menyifatkan pengumuman itu menunjukkan keprihatinan kerajaan untuk membantu rakyat yang terkesan.

Beliau bagaimanapun berharap kebenaran pengeluaran Akaun 1 itu diperluas bukan sahaja kepada golongan sasar, tetapi dapat diperluaskan bagi kegunaan rakyat terutama mereka yang dibebani hutang.

"Pada saya, syarat pengeluaran 10 peratus itu sudah cukup baik daripada tidak boleh keluar langsung. Kita memang gembira dengan keputusan itu cuma mungkin ada di antara rakyat yang mengharapkan lebih lagi."

"Jadi, ada baiknya jika had pengeluaran itu dapat dinaikkan lagi untuk membantu golongan yang terdesejak. Apa pun, semua itu terpulang kepada keputusan kerajaan kerana kita sebagai rakyat akan menerima segala yang terbaik untuk negara," katanya.

Sementara itu, seorang pekerja swasta Amiza Khamsis, 40, yang sudah mencarum KWSP selama 20 tahun menyuarakan harapan agar pengeluaran itu turut diberikan kepada mereka yang masih mempunyai pekerjaan.

Katanya, walaupun ada dalam kalangan rakyat masih bekerja dan menerima gaji bulanan, namun terdapat ramai yang berada dalam keadaan tersebut, memandangkan ada daripada majikan terpaksa melakukan pemotongan gaji dan menghentikan elaun kerja lebih

masa.

"Memang ramai yang masih berjaya, tapi faham-fahamlah sepanjang COVID-19 ini banyak yang disekat. Jika dahulu boleh kerja lebih masa, sekarang sudah tiada lagi dan itu sedikit sebanyak menjelaskan pendapatan bulanan."

"Kalau diberi kebenaran (pengeluaran Akaun 1) saya yakin ia dapat membantu ramai untuk menyelesaikan segala yang terjejas sebelum ini dan dapat 'cover' balik elaun kerja lebih masa yang tidak lagi diterima dalam beberapa bulan ini," katanya.

Bagaimanapun, dia sempat menasihati rakyat agar dapat menggunakan pengeluaran Akaun 1 itu kepada perkara yang lebih memerlukan bagi menghadapi cabaran pandemik COVID-19 yang dihadapi kini.

"Satu sahaja nasihat saya iaitu gunakanlah ke arah kebaikan demi masa depan kita dan keluarga. Janganlah menggunakan untuk beli barang yang bukan-bukan hanya untuk kepuasan sendiri," ujarnya.

Dalam tinjauan sama,



i-Sinar:

Pengeluaran KWSP Akaun 1

Baki Akaun 1 < RM90,000

- Maksimum: RM9,000
- Pengeluaran pertama: RM4,000
- Pengeluaran bulanan: RM1,000

Baki Akaun 1 > RM90,000

- Maksimum: RM60,000
- Pengeluaran pertama: RM10,000
- Pengeluaran bulanan: RM10,000

SIAPA YANG LAYAK?

- Hilang kerja
- Cuti tanpa gaji
- Pendapatan terjejas

MHI mendapati bangunan KWSP itu sudah memasang notis makluman di pintu masuknya mengenai i-Sinar yang boleh dimohon secara dalam talian bermula Disember ini.

i-Sinar yang diumumkan baru-baru ini merupakan satu inisiatif kerajaan untuk beli barang yang bukan-bukan hanya untuk kepuasan sendiri," ujarnya.

Dalam tinjauan sama,

Akaun 1 tertakluk kepada baki minimum RM100.

Dalam satu kenyataan baru-baru ini, KWSP membenarkan akses kepada amaun sehingga RM9,000 bagi pencarum yang mempunyai baki RM90,000 ke bawah, manakala bagi pencarum yang mempunyai baki lebih RM90,000 dibenarkan untuk mengeluarkan sehingga jumlah maksimum RM60,000.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06-251 9314, 06-251 9315
FAX : 06-251 9316

Pengarang Kanan
MUHD RIZANIZAM ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.com

LIANA SAHABUDIN
lilyann90@melakahariini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakahariini.my

REKABENTUK & GRAFIK Ketua
HANALIZA JUMINGAN
jotshoot@melakahariini.my

Pengarang
MOHD HAMZATUL AKMAR MD ZAKARIA
yondame87@melakahariini.my

NURSALIA SALBERI
nur_salberi@melakahariini.my

FARAH SUHAIDAH OTHMAN
farahothman@melakahariini.my

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakahariini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7.zul@melakahariini.my

Penolong Pengarang
AHMAD FUAD RAMDAN
fuadramdan@melakahariini.my

MOHD FAZRUL ABDUL MAJID
fazrul@melakahariini.my

Jurufoto Kanan
AZREN JAMALUDIN
m.azren86@gmail.com

MIMIE AZURA ABU BAKAR
mimieazura1981@melakahariini.my

MUHAMAD AIZAT BAHRUDIN
aizat.syamil65@melakahariini.my

PEMASARAN Pengurus
MUHAMMAD HAMZI ROSMANI
amz@melakahariini.my
018 - 329 9936

UNIT MEDIA SOSIAL Eksekutif
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izraihanah363@gmail.com

MELAKA TV Ketua
ASHALIA YUSOF
ashaliayusof@melakahariini.my

Wartawan Penyiaran
MOHAMAD FARIS HAikal
farishhaikal.zakaria@melakahariini.my

Jurukamera
ISMAIL IBRAHIM
dakmail92@melakahariini.my

SITI NAJIHA ABDULLAH
snajah96@yahoo.com

SHARIFAH NORHALIDAH SYED KHAIDZIR
khalidah@melakahariini.my

Penyunting Video
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakahariini.my

AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI
aufazzati98@melakahariini.my

AMIRUL RAMLI
amirulramli1990@melakahariini.my

Ketua Polis Melaka komited kembalikan zon hijau

Saliawati Salberi

AYER KEROH - Ketua Polis Melaka yang baharu, Datuk Abdul Majid Mohd Ali memberi jaminan akan mengembalikan semula Melaka kepada zon hijau seperti sebelum ini, sekali gus memutuskan rantai wabak COVID-19 di negeri ini.

Menurut beliau, pada peringkat awal pihaknya akan memfokuskan kepada memutuskan rantai COVID-19 kerana ia bukan sahaja memenuhi hasrat kerajaan malah hasrat Kerajaan Negeri Melaka sendiri.

"Pada peringkat awal fokus saya adalah memimpin 'frontliners' untuk kembalikan Melaka kepada zon hijau ini kerana ia bukan sahaja hasrat kerajaan malah juga kerajaan negeri.



BEKAS Ketua Polis Melaka Datuk Wira Mat Kasim Karim (kiri) dan Datuk Abdul Majid Mohd Ali (kanan) menyerahkan dokumen serah tugas disaksikan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman Datuk Zainuddin Yaacob (tengah) di IPK Melaka pada 16 November lepas.

"Malah saya akan didik frontliners untuk mendidik masyarakat yang mana mereka perlu sedar tentang langkah-langkah pencegahan COVID-19 kalau hanya membuat penguatan sahaja tanpa memberi kesedaran maka ianya seperti 'tempang,' katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Serah Terima Tugas antaranya dengan bekas Ketua Polis Melaka Datuk Wira Mat Kasim Karim yang disaksikan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman Datuk Zainuddin Yaacob, di Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) Melaka, Bukit Beruang pada 16 November lepas.

Menurut beliau, sejak Mac lalu seramai 226 anggota dan pegawai polis serta kakitangan awam IPK Melaka

melakukan ujian saringan COVID-19 dan menjalani kuarantin kendiri, bagaimanapun tiada yang disahkan positif setakat ini selain seramai tujuh orang masih menunggu keputusan.

Mengulas lanjut Abdul Majid berkata, sebanyak 12 sekatan jalan raya (SJR) dibuat di negeri ini masing-masing dua di Melaka Tengah, tujuh di Alor Gajah dan tiga di Jasin.

"Selain itu sebanyak 25,821 permohonan pergerakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) diterima polis negeri ini bermula 9 hingga 14 November 2020.

"Bagaimanapun, daripada jumlah itu sebanyak 25,635 permohonan yang dibuat diluluskan, manakala 186 tidak diluluskan atas beberapa faktor," katanya.

Terima kasih SMK Munshi Abdullah

Saliawati Salberi
Foto MR. Azli

AYER KEROH - "Saya mewakili warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Melaka amat berbesar hati dan berterima kasih dengan pemberian ini.

"Usaha dilakukan kumpulan pelajar ini dalam menghasilkan pelindung muka buat pasukan bomba amat dihargai," itu kata Pengarah JBPM Melaka Abu Obaidat Mohamad.

Abu Obaidat mewakili pasukan bomba negeri menerima 1,000 pelindung muka (face shield) yang dibuat oleh pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Munshi Abdullah, Batu Berendam.

Menurut beliau, sumbangan itu secara tidak langsung menunjukkan keprihatinan golongan muda terhadap petugas barisan hadapan (frontliner).

"Usaha murni ini pasti akan memberi impak kepada warga JBPM Melaka dalam menjalankan tugas dengan lebih efektif.

"Ianya amat bermakna buat kami menjalankan kerja sehari-hari dalam menangani pandemik COVID-19," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang selepas majlis penyerahan pelindung muka dari pelajar SMK Munshi Abdullah dan hadir sama Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Keroh, Penolong Penguasa Bomba Mohd Hamdan Sudin serta Pengetua SMK Munshi

Abdullah Mohd Yusri Seman.

Sementara itu, Mohd Yusri berkata, pemberian ini sebagai tanda rasa prihatin dan membalsas jasa baik pihak bomba yang sanggup membanting tulang membantu negara menangani pandemik COVID-19.

Katanya, seramai 20 pelajar tingkatan empat dan lima terbabit dalam menghasilkan pelindung muka ini.

"Pelajar ini mengambil masa kira-kira dua minggu untuk menyiapkan pelitup muka ini ianya sebagai tanda menghargai jasa petugas barisan hadapan.

"Selain JBPM Melaka, kumpulan pelajar ini turut menghasilkan 2,000 pelitup muka untuk petugas Hospital Melaka," katanya.



KETUA Pengawas SMK Munshi Abdullah, Muhammad Adam Azman (kanan) memakaikan pelindung Muka atau 'Face Shield' kepada Pegawai Bomba KB19, Mohd Khairul Nizam Jaya (kiri).



KUARANTINKAN DIRI DEMI ORANG YANG DISAYANGI

Jika anda:

- Dari zon merah
- Kontak rapat kepada kes positif COVID-19

Anda mungkin membawa balik bersama virus COVID-19 tanpa disedari dan mungkin menjangkiti orang lain.

#JanganLekaDanAlpa #KitaMestiMenang

PERANGI COVID-19 KITA MAMPU LAKUKANNYA

Kekal duduk di rumah. Hanya keluar jika ada urusan penting

BERUBAHLAH...

#JanganLekaDanAlpa #KitaMestiMenang

Produk sanitasi perlu tepati kriteria KKM

Faiz Hasan
Foto MR Azli

AYER KEROH - Penggunaan cecair pembasmi kuman yang bersesuaian dan memenuhi kriteria yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Ma-

laysia (KKM) penting dalam penggunaan norma baharu bagi mencegah penularan pandemik COVID-19.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bioteknologi Melaka, Tee Mei Gee berkata, pengguna perlu me-

mastikan kandungan penggunaan bahan aktif pembunuh kuman seperti alkohol memenuhi kuantiti yang dibenarkan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Jelasnya, penggunaan kandungan alkohol di dalam cecair berkenaan perlulah melebihi 70 peratus malah ia turut boleh digantikan dengan bahan aktif yang lain seperti klorida perak atau pelbagai lagi bagi membunuh kuman.

"Sebelum ini ramai yang memandang ringan terhadap penggunaan cecair pembasmi kuman di dalam kehidupan seharian bagaimanapun kesedaran ini telah dipertingkatkan selepas penularan pandemik terbabit bagi memastikan kesihatan orang ramai terjamin.

"Penggunaan cecair yang betul amat penting untuk tujuan sanitasi malah pelbagai reka bentuk telah digunakan pelbagai produk di luar bagi memastikan ia mudah dibawa.

"Bagi memastikan pengguna terjamin dengan penggunaan cecair terbabit, mereka perlu melihat Nombor Notifikasi (NOT) yang tertera pada label produk tersebut.

"Selepas itu, mereka boleh memasukkan nombor terbabit dengan menjelaki sama ada produk terbabit diiktiraf menerusi laman web KKM.

"Perkara ini amat penting bagi memastikan produk berkenaan selamat dan berdaftar bagi menjamin kesela-



MEI Gee.

matan pengguna," katanya.

Pada masa sama menuarinya, bagi memastikan kesedaran pengguna terhadap penggunaan cecair pembasmi kuman pihaknya turut mengambil inisiatif terbabit bagi menghasilkan cecair berkenaan agar menjamin keselamatan pengguna dan terhindar dari pandemik COVID-19.

Katanya, inisiatif yang diambil menerusi perkhidmatan makmal yang telah disediakan pihaknya ko-

miti bagi memasarkan produk terbabit buat kakitangan awam termasuk masyarakat dalam negeri ini.

"Kami telah membekalkan produk sanitasi bagi kegunaan orang ramai khususnya di Melaka dengan pelbagai bahan kandungan bagi memastikan kelembapan pada kulit.

"Keutamaan kami dalam menghasilkan produk menerusi kajian terperinci telah dihasilkan dan ia bersesuaian dengan semua peringkat umur," katanya.

// Penggunaan kandungan alkohol di dalam cecair berkenaan perlulah melebihi 70 peratus malah ia turut boleh digantikan dengan bahan aktif yang lain seperti klorida perak atau pelbagai lagi bagi membunuh kuman. //



PRODUK 'Hand Sanitizer' keluaran Perbadanan Bioteknologi Melaka adalah mengikut kriteria ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Tukar kerjaya untuk hidup

Din Ahmad

TANJUNG BIDARA - Langit tidak selalunya cerah kerana ada ketikaanya mendung menutupi dada langit secara tiba-tiba.

Jika sebelum pandemik COVID-19, pengusaha bot pisang mampu memperoleh pendapatan mencecah RM1,000 sehari, sekarang mereka terpaksa beralih kerja.

Itulah yang terpaksa dilalui pengusaha bot pisang, Amirul Azim

Kamarulzaman, 22, sejak pandemik COVID-19 mendorong kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Ber-syarat (PKPB) yang menyebabkan pelancong berkurangan.

Sejak PKP dilaksanakan pada 18 Mac lalu sebelum digantikan dengan PKPB pada Jun 2020 dan sekali lagi PKPB dilaksanakan pada 9 November lalu, pengusaha bot pisang (banana boat) di pantai peran-

ginan Pengkalan Balak dan Padang Kemunting, di sini tidak mampu beroperasi.

Bagaimanapun, hidup harus diteruskan dan untuk mendapatkan rezeki, Amirul terpaksa beralih menjadi nelayan sepenuh masa dengan menggunakan jaring atau pukat dan rawai, iaitu ribuan mata pancing sebagai sumber penangkapan ikan.

Amirul berkata, sebelum PKP dilaksanakan, beliau tidak menang tangan untuk membawa pelancong menaiki bot pisang yang ditarik dengan bot yang menggunakan enjin 40 kuasa kuda meredah ombak di pinggir pantai.

"Bot pisang itu mampu muatkan 10 orang dengan kadar bayaran RM10 setiap penumpang dengan tempoh pelayaran antara 20 hingga 30 minit.

"Saya menunda penumpang membelah ombak di pinggir pantai hingga satu batu nautika dari pantai untuk menggembirakan hati mereka hingga mereka benar-benar puas menaiki bot pisang," katanya ketika ditemui di pangkalan nelayan Kampung Pengkalan Balak baru-baru ini.

Bagaimanapun, pandemik COVID-19 menyebabkan pelancong semakin berkurangan hingga ada kalanya sukar untuk beliau mendapat walaupun 10 penumpang, sekali gus memaksa beliau beralih kepada kerjaya menangkap ikan.



AMIRUL menjual ikan tamban yang ditangkap di pengkalan nelayan Kampung Pengkalan Balak.

"Sebagai nelayan, pendapatan saya tidak menentu, bergantung kepada jumlah tangkapan dan ada kalanya langsung tiada pendapatan kerana tiada ikan yang kami dapat," katanya.

Amirul berkata, ada ketika beliau dan awak-awak terpaksa bertarung dengan ribut yang kadang kala turun secara tiba-tiba sebelum sempat mereka naik ke darat.

Kesengsaraan mencari rezeki di laut mengajar Amirul bahawa titik peluh yang membasahi tubuh tidak seharusnya terbayar dengan hasil tangkapan yang banyak, sebaliknya ia bergantung sepenuhnya kepada rezeki yang ditentukan

Allah.

Bagaimanapun, beliau bernasib baik kerana modal yang digunakan untuk mendapatkan bot pisang, bot penunda dan enjin motor sangkut 40 kuasa kuda sudah berjaya diperoleh semula hasil operasi perkhidmatan bot berkenaan sebelum pandemik itu bermula.

Selepas hanya setahun beroperasi, modal yang mencecah hampir RM150,000 sudah berjaya diperoleh semula tetapi beliau terpaksa melalui detik sukar apabila pandemik itu mengakibatkan PKP dikuatkuasakan dan sekarang PKPB pula berlanjutan hingga 6 Disember depan.



PELANCONG menaiki bot pisang sebelum penularan pandemik COVID-19 di pantai peranginan Pengkalan Balak.

Jawatankuasa khas tangani ancaman babi hutan dan kera



ANTARA babi hutan yang berjaya ditembak oleh Perhilitan Melaka dalam Operasi Siong.

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Satu jawatankuasa khas diketuai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Melaka ditubuhkan bagi menangani ancaman haiwan perosak khususnya hidupan liar kepada pertanian di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Norhizam Hassan Baktee berkata jawatankuasa bertindak itu akan memulakan operasi bersepada dalam tempoh sebulan lagi bagi menangkap dan menghapuskan haiwan perosak yang mengancam pertanian penduduk setempat.

Berdasarkan statistik dalam tempoh empat tahun bermula tahun 2015 katanya, sebanyak 4,803 aduan diterima membabitkan haiwan perosak seperti gangguan kera, babi hutan dan musang.

"Menerusi mesyuarat EXCO hari ini (19 November 2020), Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali membangkitkan mengenai aduan orang ramai terhadap ancaman babi hutan.

"Jika diikutkan nisbah, seekor babi hutan betina mampu melahirkan 10 ekor anak, jadi tidak mustahil populasi binatang liar itu

mampu mengatasi populasi penduduk di negeri ini sekiranya dibiarkan berlarutan.

"Justeru, kita perlukan badan bertindak yang diurus selia oleh PERHILITAN negeri dibantu oleh beberapa agensi termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB); Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ); Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) dan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di pejabatnya di Bangunan Seri Negeri, di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut Norhizam berkata, pada masa penduduk setempat diingatkan supaya tidak membuang sampah merata-rata sehingga menjadi sumber makanan kepada haiwan perosak.

"Menerusi Operasi Siong yang dijalankan oleh PERHILITAN negeri pada Januari hingga Ok-

tober tahun ini, sebanyak 1,651 kera berjaya dihapuskan menggunakan kaedah suntikan dengan daerah Alor Gajah merekodkan jumlah paling tinggi iaitu 748 ekor dihapuskan.

"Bagi haiwan perosak babi hutan, sebanyak sebanyak 1,106 ekor berjaya ditembak dengan kawasan Merlimau dan Serkam merekodkan jumlah hapus babi hutan paling tinggi iaitu masing-masing 176 dan 124 ekor," katanya.

NORHIZAM



Perlu peruntukan hampir RM1 juta

JAWATANKUASA khas yang ditubuhkan menangani ancaman haiwan perosak memerlukan peruntukan sebanyak RM941,000 bagi menampung perjalanan operasi bersepada membabitkan pelbagai agensi.

Datuk Norhizam Hassan Baktee berkata menerusi Ops Siong yang dijalankan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Melaka

menghabiskan kira-kira RM1,200 hingga RM1,500 sehari bagi membantarkan ancaman hidupan liar seperti kera dan babi hutan.

Katanya, jumlah itu sahaja membabitkan penggunaan minyak petrol, peluru dan keperluan makanan bagi kekuatan 15 anggota.

"Bayangkan dalam operasi itu sahaja, kita membelanjakan sejumlah wang yang banyak, jadi kita memerlukan peruntukan yang agak

membabitkan Perhilitan; pihak berkuasa tempatan (PBT); Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dalam operasi yang akan dijalankan dalam tempoh sebulan," katanya.

Beliau berkata, kesukaran untuk bergerak melaksanakan misi menghapuskan hidupan liar yang merosakkan tanaman itu tidak dapat dilakukan sekiranya kos per-

belaanjaan itu tidak dapat diperolehi.

"Jika kita tidak mampu menyelesaikan masalah babi hutan atau hidupan liar lain seperti kera secara total, kita mampu mengurangkan nisbah haiwan perosak tersebut."

Terdahulu, Norhizam dilaporkan mengumumkan pembentukan jawatankuasa khas bagi menangani ancaman hidupan liar teru-

tama babi hutan dan kera di sekitar negeri ini.

Dalam perkembangan lain, beliau turut memohon Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador mengkaji semula penarikan senjata kepada peladang atau petani yang mempunyai lesen senjata api.

"Saya pohon syarat penarikan senjata itu dikaji bagi memudahkan lagi pekebum mengawal sendiri ladang milik mereka," katanya.

Selesaikan segera atau henti operasi

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Kerajaan negeri tidak akan teragak-agak mengambil tindakan keras kepada syarikat arang batu di sebuah pelabuhan di Tanjung Kling sekiranya masalah pencemaran habuk terus berlaku.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan berkata, pihaknya sudah mengarahkan pihak terbabit untuk segera

mencari jalan mengurangkan habuk yang berterbangan.

Bagaimanapun katanya, sekiranya keadaan tidak berubah dan semakin teruk, pihaknya sedia untuk menamatkan perkhidmatan tersebut atau mengambil tindakan lebih keras termasuk menyaman syarikat terbabit.

"Kalau dalam masa terdekat dia tidak boleh selesaikan masalah dan orang ramai terus membuat aduan, kita terpaksa bertindak. Maksud-

nya bertindak sama ada hentikan operasi itu atau saman syarikat berkenaan.

"Kalau nak bermula, nak cari untung, janganlah sampai jejakkan orang lain terutama penduduk sekitar. Kalau rasa tak boleh ikut kehendak atau keperluan orang ramai, tak usahlah bermula," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Terdahulu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundur Datuk Nor Azman Hassan menyuarakan kebim-

bangan terhadap masalah habuk arang batu di laman sosialnya ekoran penduduk setempat mendakwa masalah yang dihadapi sejak sekian lama itu masih berlarutan sehingga kini.

Beliau yang meninjau sendiri keadaan di Kampung Balik Bukit mengakui lori-lori yang membawa muatan habuk arang batu itu masih gagal mengawal masalah berkenaan meskipun sudah mengadakan perbincangan dan pertemuan sebelum ini.

Kompleks Sukan Jasin akan dibina

AYER KEROH - Sebuah kompleks sukan akan dibina di Jasin dilengkapi dengan pelbagai kemudahan infrastuktur, sekali gus membawa khabar gembira buat masyarakat khususnya golongan belia di daerah Jasin amnya.

Pengerusi Jawatankuasa NGO, Pembangunan Belia dan Sukan, Datuk Mohd Rafiq Naizamohiddeen berkata, projek dengan keluasan 1.61 hektar terbabit akan dibangunkan pada awal tahun hadapan dengan mengambil tempoh 12 bulan untuk disiapkan menerusi peruntukan daripada Rancangan Malaysia Ke-11 di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Katanya, pembangunan dengan pelbagai kemudahan riauah buat golongan belia itu akan dibina di Jasin Bestari.

"Projek ini dijadualkan akan siap dibina menjelang penghujung tahun 2021 dan kita menjangkakan ia boleh digunakan pada tahun 2022."

"Perkara ini selari dengan hasrat kerajaan negeri bagi memantapkan pembangunan infrastruktur sukan yang perlu ditambah baik," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu sidang akhbar di sini pada 19 November lepas. Hadir sama, Pengarah JBS Melaka, Noorman Ramli.

Jelasnya, bangunan yang bakal dikenali sebagai Kompleks Sukan Jasin itu akan dibina dengan peruntukan sebanyak RM10 juta dan akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat melalui beberapa proses tender yang akan dikeluarkan.

Sementara itu, Mohd Rafiq berkata terdapat dua kompleks sukan lain yang sedang dinaik taraf iaitu Kompleks Rakan Muda Alor Gajah di Alor Gajah dan Kompleks Belia dan Sukan Negeri Melaka di Ayer Keroh.



SYARIKAT mengusahakan arang batu gagal mengotakkan janji untuk membendung masalah pencemaran habuk.

EDISI 23 NOVEMBER 2020 - 29 NOVEMBER 2020

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhan mereka serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Peranan BSAT santuni kesusahan asnaf

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Peranan Badan Sukarelawan Al-Tawa (BSAT) Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dalam membantu asnaf yang memerlukan menjadi keutamaan pada ketika penularan pandemik Covid-19 masih ada di negeri ini.

Kesusahan asnaf dan rakyat khususnya masyarakat Islam merupakan keutamaan yang perlu diberi perhatian secara serius dalam menangani

ketiadaan pendapatan dan makanan asas dalam kehidupan.

BSAT yang telah ditubuhkan sejak lebih sepuluh tahun lalu merupakan antara inisiatif awal MAIM dalam memastikan golongan asnaf di negeri ini mendapat bantuan sewajarnya lebih-lebih lagi di kala zaman yang mencabar ini.

Bukan sahaja bantuan berbentuk makanan asas, malah bantuan pendidikan kesihatan dan perubatan turut disampaikan kepada mereka dalam usaha memastikan golongan

ini dapat dibantu dalam segenap segi.

Sebagai sebuah badan sukarelawan, BSAT sebenarnya membawa semangat kepada para asnaf atau penerima bantuan untuk mereka berubah ke arah yang lebih baik pada masa hadapan.

Dengan kepuasan dan keriangan yang terpancar daripada wajah ahli sukarelawan, sebenarnya itu juga sudah cukup untuk memberikan semangat buat semua penerima bantuan.

Semangat yang dibawa itu akan kekal diterapkan dalam diri mereka bahawa mereka sebenarnya tidak berkeseorangan tetapi ia sedikit sebanyak boleh berubah ke arah yang lebih baik dalam membantu diri mereka dengan sedikit bantuan yang diterima.

Sesungguhnya tugas BSAT sebagai sukarelawan ialah membantu mereka untuk rasa bersemangat supaya berubah dan seterusnya memastikan mereka mendapat bimbingan moral dan fizikal dalam mengharungi kehidupan sehari-hari.

Secara tidak langsung, BSAT juga turut dikategorikan sebagai duta kepada masyarakat sama ada dari sudut aspek kebijakan dan keprihatinan insaniah.

Peranan BSAT juga membolehkan imej sesuatu persatuan atau pertubuhan sukarelawan terarah kepada persepsi yang baik di mata masyarakat seperti aktiviti bantumembantu dalam komuniti.

Usaha berterusan dalam membantu golongan asnaf akan tetap diteruskan setiap masa walaupun pada ketika ini ramai asnaf terjejas pendapatan dan makanan kesan daripada pandemik Covid-19.



KETUA Seksyen Pembangunan Insan MAIM, Arina Safura Alim menyampaikan sumbangan mesin oksigen kepada salah seorang asnaf.



WAKALAH serahan meja dan kerusi pelajar oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) melalui Zakat Melaka (ZM) disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif ZM, Datuk Ibrahim Fadzil kepada wakil pengurusan Sekolah Rendah Agama (SRA) JAIM Paya Rumput Masjid Tanah baru-baru ini. Sebanyak 60 unit meja dan kerusi diserahkan sebagai kemudahan dan keselesaan pelajar menghadapi proses pembelajaran serta pengajaran di sekolah tersebut.



SUMBANGAN dan bantuan lampin pakai buang turut disampaikan kepada asnaf.



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#) Facebook | [facebook/maimmelaka](#)



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

Sumbangan Kit Prihatin Asnaf


MAJLIS Agama Islam Melaka (MAIM) melalui Bahagian Agihan Zakat menyampaikan sumbangan kit makanan kepada kesemua 28 DUN di negeri ini sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang telah dilaksanakan bermula 9 November hingga 6 Disember ini.

Sejumlah 100 Kit Prihatin Asnaf telah diserahkan kepada setiap JAPERUN di negeri ini untuk pengagihan kepada asnaf yang terjejas pendapatan dan makanan sepanjang tempoh PKPB.

MAIM selaku agensi yang diamanahkan sentiasa memainkan peranan besar dalam memastikan golongan asnaf

dan mereka yang memerlukan dapat menikmati bantuan yang sewajarnya bagi meri-

ngangkan beban mereka yang terjejas akibat daripada pandemik Covid-19 ini.



PEGAWAI Agihan Zakat daerah Alor Gajah, Mazfazil Ismail meninjau dan meneliti salah sebuah rumah milik asnaf MAIM yang usang dan memerlukan pembaikan segera bagi memastikan mereka mendapat tempat tinggal yang selesa bagi untuk meneruskan kehidupan seharian.



JOM BERWAKAF

"Satu Amal Mencipta Sejuta Manfaat"

Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu **sedekah jariah**, ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya

-Hadith Riwayat Muslim-

<https://iwakaf.maim.gov.my>

Utamakan mana yang fardu



Datuk Hj. Ibrahim

Bin Fadil

Ketua Pegawai Eksekutif,
Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.

kepada Allah SWT. Manakala sedekah wajib adalah ibadah zakat yang bermaksud menge luarkan harta tertentu dengan kadar tertentu mengikut syarat-syarat tertentu untuk dia gihkan kepada golongan-golongan tertentu.

Tetapi keadaan masa kini masyarakat lebih mengutamakan sedekah daripada ibadah zakat.

Pemberian sedekah dianggap dan diniatkan sebagai zakat. Sebagai contoh seseorang itu, sedekah di tabung masjid, beri wang kepada anak-anak yatim, kaum kerabat, orang kurang upaya ataupun ibu tunggal. Pemberian zakat yang sepatutnya adalah diberikan kepada 8 golongan asnaf yang telah ditetapkan oleh Allah SWT di dalam Surah At-Taubah ayat 60 iaitu fakir, miskin, amil, mualaf, riqab, gharimin, fisabilillah dan ibnu sabil.

Kadang-kadang segelintir masyarakat mentafsirkan niat zakat tetapi perkara tersebut hanyalah sedekah sunat sahaja antaranya:

"Ah, aku dah bayar zakat lah kepada anak yatim"

"Aku dah niat beri zakat kepada saudara aku yang susah tempoh hari"

"Sahaja aku berzakat di tabung masjid ini kerana Allah Taala"

"Lebih baik aku bayar zakat kepada orang susah terus, nampak juga agihannya"

Untuk pengetahuan, ibadah sedekah dan zakat adalah dua elemen ibadah yang berbeza dari segi hukum dan agihannya. Sedekah ini boleh diberikan kepada sesiapa yang kita mampu berikan, manakala zakat pula hanya golongan tertentu sahaja yang layak diberikan zakat.

Oleh yang demikian, Zakat Melaka menyeroni masyarakat yang mampu menuaikan kewajipan berzakat bersama-sama kami untuk membantu golongan asnaf di Negeri Melaka bagi meningkatkan taraf hidup mereka dan secara tidak langsung ekonomi umat Islam akan lebih bertambah mantap seterusnya memantapkan juga ekonomi negara Islam secara menyeluruh.

Justeru itu, Zakat Melaka ada menyediakan pelbagai kemudahan bayaran zakat kepada masyarakat Islam sepanjang tempoh

|| Jika kita memperbanyakkan amalan sunat maka pahala akan berganda ganjarannya. Manakala jika kita melakukan perkara wajib sesuatu ibadah itu maka Allah SWT akan memberi keberkatan dan keredaan dalam hidupnya. ||

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini sama ada melalui kaunter ibu pejabat dan cawangan, ejen-ejen yang dilantik, pembayaran zakat secara atas talian dan pelbagai lagi kemudahan yang disediakan. Semoga Allah SWT dapat membalsas segala kebaikan dan amal ibadah yang dilakukan dengan ikhlas semata-mata kerana Allah SWT. In Shaa Allah.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut. Sekian terima kasih.

FPX
izakat.com

- > Isikan maklumat
- > Pembayaran melalui online banking

Ejen Bank

- > Layari perbankan internet & log masuk akaun anda
- > Pilih biller "ZAKAT MELAKA"

e-Bayar

- > Daftar e-Bayar
- > Log masuk & Pilih bayaran secara terus
- > Pilih agensi (Zakat Melaka)
- > Isikan maklumat
- > Bayar zakat
- > Selesai

ZAKAT ONLINE

Jom PAY

- > Login Internet Bank
- > Pilih JomPAY
- > Masukkan Biller Kod
- > Simpan Transaksi
- > Selesai

Biller Code : 18228
Ref-1: Mobile Phone No.
Ref-2: IC No.

BILLER KOD

- 18228 - Wang Simpanan
- 18533 - Gadai Zakat
- 18184 - Emas / Perak
- 18242 - Pendapatan
- 18205 - Pengeluaran
- 18077 - Perloadan
- 18288 - Tembakau
- 18101 - Saham

1-300-88-0233 | www.izakat.com | Zakat Melaka | zakat.melaka | Zakat Melaka

BEZA ZAKAT & SEDEKAH

| Zakat | WAJIB | 1. | SUNAT |
|-----------------------------------------|-------|----------------------|-------|
| RUKUN ISLAM | 2. | BUKAN RUKUN | |
| BERSIH DAN SUCI | 3. | REDHA | |
| NISAB | 4. | TIADA KETENTUAN | |
| HAUL SETAHUN | 5. | TIADA KETETAPAN MASA | |
| 8 ASNAF | 6. | TIDAK DITENTUKAN | |
| HUKUMAN KEPADA YANG TIDAK MENUNAIKANNYA | 7. | TIADA HUKUMAN | |

"Zakat - Bersih Jiwa, Suci Harta"

1-300-88-0233 | www.izakat.com | Zakat Melaka | zakat.melaka | Zakat Melaka

Hanya 2.5%

Adakalanya Keinsafan Datang Tidak Kira Masa

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com

1-300-88-0233 | Zakat Melaka





KUMPULAN Inovatif Dan Kreatif (KIK) Abu Bakar Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah menyertai Pertandingan Productivity & Innovation Conference And Exposition (APIC) 2020 secara maya baru-baru ini. MAIM melalui Seksyen Mal telah memperkenalkan sistem e-Khairat yang juga merupakan kaedah permohonan secara dalam talian untuk membuat kutipan derma bagi sesuatu projek pembangunan mahupun penambahbaikan sebuah institusi keagamaan seperti masjid, surau serta sekolah agama.



KONGSI ILMU...
Sebahagian saudara muslim hadir pada program kelas fardhu ain dan pengajian al-quran yang telah diadakan di Kompleks Darul Huda dan perkampungan orang asli di sekitar negeri ini. Pemantauan dan penyediaan tenaga pengajar yang bertauliah oleh Bahagian Balai Islam MAIM memungkin pembelajaran dan pengajaran berkenaan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh peserta yang hadir.



10 SIFAT MAHMUDAH (TERPUJI)

TAUBAT

1.

6.

SYUKUR

IKHLAS

2.

TAKUT

3.

ZUHUD

4.

SABAR

5.

10.

MINGINGATI MATI



"ZAKAT - Bersih Jiwa, Suci Harta"

KAUNTER CAWANGAN ZAKAT MELAKA



IBU PEJABAT

Zakat Melaka, No 1,3 & 5, Jalan PNBB 1, Pusat Niaga Bukit Baru, Bandar Bukit Baru Seksyen IV, 75150, Bukit Baru, Melaka.
No.Tel: 06-281 8154



ALOR GAJAH

Tingkat Bawah, SP 35, Jalan Sungai Petal Permai Utama, Taman Sungai Petal Permai 1, 78000 Alor Gajah, Melaka
No.Tel: 06-556 2340



JASIN

Kompleks Pejabat Agama Islam & Mahkamah Syariah Daerah Jasin, 77000 Jasin, Melaka.
No.Tel: 06-529 4635



MASJID TANAH

Tingkat Bawah, Bangunan Tabung Hajji, 78300 Masjid Tanah, Melaka.
No.Tel: 06-384 5453



MERLIMAU

JC 153, Jalan SMU 7, Bandar Baru Merlimau Utara, 77300 Merlimau, Melaka.
No.Tel: 06-263 3148



UTC

UTC Melaka, Aras 5, Jalan Hang Tuah, 75300 Melaka.
No.Tel: 06-283 1440
No.Tel: 06-333 3333 ext: 6028



PULAU SEBANG

Masjid Aleyah Kuala Ina, Pulau Sebang, 73000 Tampin, Melaka.
No.Tel: 06-441 3358



SMART A+

**SOALAN LATIHAN &
TEKNIK MENJAWAB SPM
SUBJEK : BAHASA INGGERIS**

SPM ENGLISH PAPER 1119 PAPER 2

Introduction to the Literature Component

Candidates have to study 2 poems, 2 short stories and 1 drama in Form 4.

The poems are:

- a) The Living Photograph by Jackie Kay
- b) The Charge of the Light Brigade by Lord Alfred Tennyson

The short stories are:

- a) Tanjung Rhu by Mingfong Ho
- b) Leaving by M. G. Vassanji

Candidates also have to study a drama, The Right Thing To Do by Martyn Ford

***However the short stories and drama will not be tested in the SPM examination**

In Form 5, candidates have to study 2 more poems.

The poems are:

- a) What Has Happened to Lulu by Charles Causley
- b) The Poison Tree by William Blake

Candidates will also have to study 1 of these 3 novels:

- a) Dear Mr Kilmer by Anne Schraff
- b) Captain Nobody by Dean Pitchford
- c) Sing To The Dawn by Mingfong Ho

Dear Mr Kilmer by Anne Schraff


Synopsis

The story is about Richard Knight, a farm boy who is passionate about writing poems. He cannot relate well with his brother who appears very interested in hunting animals and sports. He finds himself unable to kill animals as he finds them beautiful. His father understands his pain but tells him that death is a part of life. In school Richard gets a chance to listen to a poem by Joyce Kilmer and is impressed by the thoughts expressed in it. With the support of his teacher, he begins a correspondence with Kilmer and also mentions that he writes poems. This starts a beautiful relationship between Kilmer and Richard.

Kilmer joins the army to fight the enemy. Richard worries about the war as it affects the way people treat foreigners in his own town. A student, Hannah, is shunned by the classmates because of her German background. Richard stands up to support her and is ostracized too. Richard and Hannah become good friends. Some of the townspeople also rally around when they realize that Hannah's family is patriotic to the country they live in.

Kilmer gets killed in the war. It is most heartbreaking for Richard who is shattered by the news. He writes a beautiful poem about the pain of losing a friend and it appears in the local paper. Richard is most pleasantly surprised and comforted when his father tells him that the poem expresses well the pain he felt when he lost his brother in another war. There is mutual understanding as father and son talk over things that had not been mentioned before. The war too comes to an end and Richard hopes that anti-German sentiments would also fade.

Richard is sensitive and gentle. He wishes that society will treat everyone in a just and humane manner. But in reality, it is a different matter.



Expository

Richard purposely misfires as he is unwilling to shoot the beautiful buck. Richard secretly writes a poem and later burns it.

Rising Action

Inspired by Joyce Kilmer's poem Trees, Richard starts corresponding with Kilmer, who helps him to mature as a person and to develop as a poet. His relationship with Hannah and the Schermers further improves his poetic skills.

Climax


Richard receives the devastating news that Kilmer has been killed in the war.

Falling Action

Kilmer is dead, prompting Richard to pen a tribute to his late poet hero. Encouraged by the Schermers, he submits it to *The Turtle Lake Weekly*, the local paper.

Resolution

Pa tells Richard that his poetic tribute to Kilmer accurately expresses his long bottled up grief over the tragic loss of his brother. From then on, father and son experience a closer relationship of love and open communication.



Please refer to your 'Dear Mr Kilmer' textbook

Imaginative and poetic

→ He composes poems, as inspiration and imagination comes (Page 16)

Quiet and loner

→ He does not really fit in with society (Page 8)
→ He is often glad to be alone (page 25)

Honest

→ He is being honest by telling Pa the truth which is he purposely misfired to avoid killing the beautiful young buck (Page 6)

Helpful

→ He helps Angie, his sister in the kitchen as he know that she is often tired and taken for granted (Page 14)

Compassionate

→ He empathises with Hannah, his friend whose book is defaced with 'Dirty Hun' (Page 23)

Inovasi dan cabaran masa depan



**DATUK Dr Sabri
Mohamad Sharif**



DUNIA terus berubah, apatah lagi pada zaman kontemporari dan teknologi serba canggih ini. Barangsiapa yang kurang persediaan dan lambat respon kepada perubahan, mereka akan ketinggalan, malah mungkin terpinggir, dipukul oleh badai kemajuan serta permaidani kemodenan.

Ya! Memang sukar meramal masa depan, namun gerak kerja persediaannya, harus dimulai sekarang. Persoalannya, apakah bentuk persediaan tersebut? Bagaimana untuk kita melakukannya?

Menurut Matthew J. Kiernan dalam bukunya, *Get Innovative or Get Dead!* menerangkan bahawa, persaingan pada abad ini, lebih kepada bentuk kemampuan sesebuah organisasi atau individu menerbit dan menterjemahkan idea inovatif.

Maksudnya, jika kita memandang enteng perihal inovasi, kita bukan sahaja boleh ketinggalan, bahkan mungkin tidak lagi kompeten dan kurang berdaya saing, untuk menghadapi tuntutan perubahan zaman serta cabaran ekonomi global.

Blog Innovate United Kingdom pernah menyatakan, inovasi merupakan pencetus utama kemajuan, dari hal penjagaan kesihatan, sampailah kepada teknologi masa depan. Tanpa inovasi, kemajuan dikatakan akan terhenti atau tidak berkembang menurut acuananya.

BERUBAH ATAU REBAH

Dalam tulisan Larry Downes dan Paul Nunes di Harvard Business Review tahun 2013, *Big Bang Disruption: The Innovator Disaster*, mencoretkan, ledakan atau penghasilan satu inovasi terkini, mampu menyebabkan sesuatu perniagaan atau keseluruhan produk dan pasaran boleh dicipta serta dimusnahkan dalam satu malam atau sekelip mata sahaja.

Tidakkah kita dapat lihat bagaimana syarikat Kodak boleh muflis dek kewujudan kamera digital, syarikat gergasi Nokia dan Blackberry pun tidak mampu mempertahankan jualan mereka, kerana gagal serta lambat respon kepada produk inovasi terkini, hinggakan dengan mudah ditewaskan oleh pesaingnya dari syarikat Apple dan Samsung.

Iktibar misalnya, boleh diambil melalui email Stephen Elop, Ketua Pegawai Eksekutif syarikat Nokia, kepada para pekerja pada tahun 2011, seperti dilaporkan dalam akhbar British, *The Guardian*:

"Ketika para pesaing menyemarakkan api persaingan dalam pasaran, apa terjadi kepada Nokia? Kita ketinggalan ke belakang, kita terlepas trend besar dan kita kehilangan masa. Pada masa itu, kita fikir kita telah membuat keputusan yang betul, tetapi, dengan pengalaman yang lalu, kini kita telah mendapati, diri kita telah tertinggal beberapa tahun ke belakang. Kita juga mempunyai beberapa sumber cemerlang inovasi dalam Nokia, tetapi kita tidak membawanya ke pasaran den-

gan cukup pantas."

Akibatnya, syarikat Nokia telah menjual kepentingannya dalam Nokia's Devices and Services Division, kepada syarikat gergasi Microsoft dengan harga 7.17 bilion dolar Amerika pada 25 April 2014.

Lebih menyedihkan lagi, Stephen Elop kemudiannya terpaksa memberhentikan 12 ribu pekerja dalam penstrukturkan semula Microsoft Devices Group.

Kita juga saksikan bagaimana syarikat-syarikat pengeluar peranti GPS telah kehilangan sebanyak 85 peratus daripada modal pasaran mereka, hanya dalam tempoh 18 bulan sahaja, selepas aplikasi Navigasi Google Maps dilancarkan.

Bahkan, syarikat seperti JVC juga kehilangan pendapatannya dengan kemunculan dan pelancaran DVD, VCD, HD-DVD dan Blu-ray, sampai menenggelamkan produk pita VHS video mereka dalam persaingan produk format video.

Jika diimbas kembali 30 tahun yang lalu, pernahkah kita menyangka dan membayangkan, bagaimana suatu hari nanti akan munculnya, Gangguan Big Bang atau idea-idea baru seperti telefon pintar, aplikasi Facebook, Instagram dan WhatsApp, yang berlannah, telah meninggalkan perkhidmatan SMS, mesin faks, telegram dan perkhidmatan pager.

Kesemuanya ini menyedarkan kita supaya sentiasa peka dan pantas respon dengan perubahan dunia teknologi baharu. Kerana, dalam tempoh 30 tahun nanti, banyak lagi pekerjaan konvensional yang ada masa kini dijangka akan terhapus. Pada masa yang sama, barangkali akan muncul banyak juga bidang pekerjaan baharu, yang mungkin belum wujud lagi dewasa ini.

CABARAN INDUSTRI 4.0

Seluruh dunia kini sedang dilanda gelombang Revolusi Perindustrian Keempat, yang datang dalam kombinasi pelbagai bentuk agen perubahan seperti teknologi maklumat dan internet, robotik, teknologi nano, task automation dan percetakan 3D.

Menurut laporan "The Future of Jobs: Employment, Skills and Workforce Strategy for the Fourth Industrial Revolution", World

Economic Forum atau WEF pula menjangkakan, Revolusi Perindustrian Keempat juga akan memberi kesan yang sangat signifikan kepada pasaran buruh dan pekerjaan.

Ini termasuklah pewujudan dan penghapusan pekerjaan atau job displacement, peningkatan produktiviti buruh dan jurang kemahiran yang semakin meluas.

Berdasarkan kajian WEF juga, yang merangkumi 65 peratus tenaga kerja dunia, kira-kira 7.1 juta pekerjaan berpotensi untuk hilang dalam tempoh 2015-2020, berikutan redundancy, automasi dan penghapusan peranan perantara atau disintermediation. Laginya, banyak peluang pekerjaan di masa akan datang, yang masih belum wujud lagi pada waktu ini.

Dalam laporan Global Innovation Index beberapa tahun ini, antara negara yang hebat dalam inovasi adalah Switzerland. Apakah faktor yang menyebabkan negara ini berjaya? Switzerland berjaya mengekalkan kedudukan antara teratas dalam inovasi adalah disebabkan pengamalan ekonomi berdasarkan pengetahuan dan keupayaan untuk menjana pemikiran inovatif dalam projek-projek yang menguntungkan. Contohnya, bank tempatan negara itu, UBS kini menggunakan realiti maya atau virtual reality untuk projek portfolio pelaburan kepada pelanggan. Manakala Sweden yang menduduki antara tangga teratas pula berjaya disebabkan perancangan universiti yang direka dengan baik dan pencapaian graduan berkualiti yang telah membantu negara itu untuk cemerlang dalam penilaian inovasi dunia.

Berhubung itu, kita menyambut baik pesanan dan saranan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali bahawa, dalam suasana ekonomi dunia masih tidak menentu dan penularan Covid-19 masih ketara, penjawat awam di negeri Melaka khususnya, tidak boleh lagi bekerja secara 'business as usual'. Sebaliknya, mereka hendaklah mengamalkan budaya kerja di luar kotak kelaziman (out of box), bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti, dengan memfokus kepada quick win or delivery serta fast result dalam melaksanakan khidmat dan penyampaian, seperti pantas serta efisyen dalam menyalurkan bantuan dan

inisiatif yang berupaya meringankan beban rakyat, ke seluruh masyarakat di negeri Melaka.

ITERASI, INOVASI DAN DISRUPTI

Disimpulkan, kreativiti dan inovasi merupakan aspek penting kepada kemajuan ekonomi dan kemakmuran masa depan sesebuah negeri mahupun negara. Jelas sekali, kejayaan masa kini berkait rapat kepada kemampuan kita dalam menyelesaikan tiga perkara berikut iaitu, ITERATION atau iterasi, INNOVATION atau inovasi dan DISRUPTION atau disrupti. Apa itu ITERATION? Iterasi adalah membuat hal yang sama, iaitu pengulangan kegiatan manusia sehari-hari, dengan dilakukan penambahbaikan agar meningkatnya nilai dan produktiviti supaya menjadi lebih baik dengan kos minima. (*Doing the same thing, with improvement on values and productivity*).

Manakala INOVASI adalah kaedah mencari jalan untuk melakukan hal-hal lebih baik dan baharu yang di luar kotak pemikiran (*out of box*), melalui penambahbaikan, dengan cara yang kreatif serta inovatif. (*Doing the new thing with creativity and innovation*). Apakah pula DISRUPTION? Disrupsi ialah kaedah untuk melakukan komprehensif atau banyak perkara baharu, sehingga yang lama menjadi ketinggalan zaman, tidak terpakai dan tidak lagi menjadi relevan. (*Doing things differently, so others will be obsolete*).

Selain itu, hendaklah kita sentiasa insaf dan bermuhasabah, memperbaiki software dalam kita yakni iman serta ketakwaan kepada Allah SWT serta lazimkan diri berfikir (*Ulul Albab*) dan sentiasa berusaha mencari jalan bagi memperbaiki diri serta berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan (*Fastabiqul Khairat*), yang mampu menolong dan mendaangkan manfaat kepada manusia sejagat.

Benarlah seperti mafhum firman Allah SWT dalam surah Ar-Ra'd, ayat 11; "sesungguhnya Allah tidak merubah nasib sesuatu kaum atau bangsa, sehingga mereka yang mengubah diri mereka sendiri". Pilihan ditanngan kita.

Penulis merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Tun Perak (ITP) merangkap Penasihat Ekonomi dan Inovasi Kepada Ketua Menteri Melaka.

Apa itu Buasir?

PANTAI HOSPITAL
Ayer Keroh

Scan dan layari video
INFO KESIHATAN



DR. Shankar Gunarasa

PANTAI HOSPITAL
Ayer Keroh



Iaku adalah adalah di sebabkan oleh tekanan atau "pressure effect" oleh darah beku dalam saluran darah yang tersumbat di kulit luar dubur.


KENAPA BUASIR BOLEH BERLAKU?

Lazimnya kebanyakkan pesakit yang berjumpa dengan saya dan secara lazimnya berpunca daripada sembelit berlamaan dan juga meneran semasa membuang air besar. Wanita mengandung mungkin mengalami buasir kerana pembesaran janin menyebabkan tekanan ke bahagian dubur. Kesemua keadaan tersebut menyebabkan penambahan tekanan kepada salur vena di rektum dan dubur dan ini menyebabkan pembengkakan dan pemberian.


Kebiasanya pesakit akan menjalani ujian darah dan juga ujian endoskopi kolonoskopi untuk memastikan diagnosis sebenar sebelum sebarang rawatan boleh dimulakan.

Sekiranya ianya buasir, bergantung kepada gred buasir, rawatan yang setimpal akan diberikan. Ada empat gred untuk buasir. Untuk Gred 1-2, rawatan ubatan seperti flavinoids sudah memadai serta megelakkan sembelit atau terlalu meneran semasa membuang air besar. Lebihkan pengambilan serat dalam pemakanan anda dengan memakan buah-buahan, sayur-sayuran hijau dan bijiran. Jika ingin memakan roti atau bijiran, pilihlah yang mengandungi bijiran penuh

Doppler-guided Haemorrhoid Artery Ligation (HAL)




(Sumber :Colorectal Surgeons Sydney)



Merupakan pembengkakan saluran darah, kebiasanya vena, di lapisan dalam rektum. Pesakit akan mengadu terdapat pendarahan selepas membuang najis tanpa kesakitan. Ada juga pesakit yang akan terasa seperti unjuran yang terkeluar dari dubur selepas membuang air besar. Namun unjuran ini mungkin hilang sendiri atau ada juga yang perlu menolak balik unjuran ini ke dalam.

APA YANG ANDA PERLU LAKUKAN?

Anda tentunya telah di tegur oleh rakan-rakan anda yang mengatakan buasir akan hilang/baik tanpa rawatan dengan hanya mengelakkan sembelit atau meneran semasa membuang air besar. Memang benar, namun saya menasihati anda untuk berjumpa dengan doktor untuk mendapat nasihat yang lebih tepat tentang masalah anda. Seperti yang telah saya huraikan, ada beberapa sebab, selain buasir yang boleh menyebabkan pembuangan najis berda-



|| Salah satu lagi kaedah pembedahan buasir adalah "stappled hemmoroidectomy" merupakan pembedahan untuk membuang unjuran buasir dan mengelakkan yang buasir keluar dari dubur. ||

(wholemeal). Lebihkan minum air, sebaik-baiknya lapan gelas sehari.

Untuk Gred 1-2 juga, 'rubber band ligation' atau lebih di kenali di kalangan pesakit sebagai "ikat" boleh dilakukan bagi rawatan buasir dalam dan buasir luaran. Rawatan ini adalah dimana gelung getah yang kecil dipasang di pangkal buasir dengan bantuan alat penyedut dan menyebabkan aliran darah ke kawasan tersebut terhenti dan buasir tersebut mengecut.

'Sclerotherapy' juga boleh di gunakan untuk gred ini di mana sejenis cecar contohnya Phenol disuntik ke dalam buasir tersebut menyebabkan dinding salur vena tersebut mengecut. Berlainan pula dengan buasir Gred 3 -4 di mana disebabkan oleh saiznya, pembedahan perlu dilakukan. 'Hemorrhoidectomy' di mana

pembedahan dilakukan dengan menggunakan 'energy device' yang khas untuk memotong buasir tersebut.

Ini adalah jenis pembedahan konvensional tetapi cukup mujarab terutamanya bagi buasir luaran Gred 4. Di sebabkan oleh kesan luka dari pembedahan ini, pesakit akan merasa sedikit keperitan semasa membuang najis selpas pembedahan. Pesakit yang menjalani prosedur ini mengambil masa 2-4 minggu untuk pulih.

'Doppler guided trans-anal hemorroidal artery ligation' atau DGHAL di mana mesin ultrasound digunakan untuk mengenalpasti aliran darah arterial terbabit yang kemudiannya disekat dengan jahitan. Ini adalah antara rawatan terbaru di Malaysia dan procedure ini memberi kesan kesihatan yang amat kurang. Namun bukan semua

jenis buasir boleh di rawat sebegini rupa, kesesuaianya akan di pastikan oleh doktor bedah yang merawat.

"Laser hemmorioplasty" adalah salah satu rawatan untuk buasir, di mana laser khas di gunakan di dalam buasir dan dari kesan haba yang di pancarkan, buasir ini akan mengecut.

Sama seperti DGHAL, bukan semua jenis buasir boleh di rawat dengan menggunakan laser. Namun ianya memberi kesan kesihatan yang kurang selepas pembedahan di dubur.

Salah satu lagi kaedah pembedahan buasir adalah "stappled hemmoroidectomy" merupakan pembedahan untuk membuang unjuran buasir dan mengelakkan yang buasir keluar dari dubur.

AKHIR KATA

Apabila terdapat gejala tertentu seperti darah dalam najis, sakit ataupun buasir, berjumalah doktor atau mana-mana ahli perubatan yang bertauliah di klinik atau hospital yang berdekatan dengan anda. Jangan dibiarkan penyakit tersebut berlalu dengan menganggap penyakit itu akan sembuh dengan sendirinya. Amalkan pengurusan diri yang baik dengan banyak minum air, makan makanan seimbang dan kurangkan dari memakan makanan yang boleh menyebabkan gangguan pada usus besar anda (makanan pedas atau berempah, keras dan alkohol) atau yang boleh merangsangkan usus besar anda terutamanya hujung dubur.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut tentang rawatan buasir, anda boleh berhubung dengan Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.



BANCI MALAYSIA

“Data Anda Masa Depan Kita”



- Dalam Talian
- Bersemuka



Scan QR Code
Untuk Jawab Banci



www.mycensus.gov.my



@MyCensus2020
@StatsMalaysia

1800 88 7720



TARIAN Dondang Sayang dari pelbagai bangsa.

MAK Nona antara generasi lama yang pakar dalam pantun spontan Dondang Sayang.



Dondang Sayang seni komunikasi orang lama

Liana Sahabudin

DONDANG Sayang sejenis balada cinta Melayu tradisional, dalam lagu Dondang Sayang penyanyi saling bertukar pantun secara spontan mengikut gaya riang dan kadang-kadang lucu.

Dondang Sayang diselitkan dengan pantun yang mempunyai kiasan sendiri, jika tiada pantun maka ianya bukan Dondang Sayang kerana pantun merupakan lirik utama di dalamnya.

Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Melaka, Ezrina Alias berkata, bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka, Dondang Sayang menjadi komunikasi masyarakat terdahulu.

"Orang dulu tiada media sosial jadi nak sampaikan hasrat hati mereka gunakan pantun, dari pan-

tun itu terdapat unsur jenaka, pantun budi, nilai murni dan unsur pendidikan.

"Dalam kebanyakan lagu-lagu rakyat di Malaysia memang bersaskan pantun, pantun ini unsur komunikasi yang penting dan ada tersirat macam-macam maksud.

"Pentingnya Dondang Sayang ini sebab kalau dah tiada Dondang Sayang, ibarat hilang jati diri. Ia salah satu nilai 'kearifan tempatan' yang menunjukkan kepandaian masyarakat zaman dahulu," katanya kepada MHI.

KEMBALIKAN DONDANG SAYANG PADA GENERASI MUDA

Katanya, terdapat cabaran yang sengit untuk mempertahankan keaslian Dondang Sayang, di Melaka sendiri mempunyai barisan penyanyi muda yang hebat selain mutu suara

“Dondang Sayang ini seronoknya sebab kita boleh berbalas pantun, keaslian Dondang Sayang itu akan hilang bila kebanyakan orang dah tak boleh berpantun secara spontan. **”**

yang baik.

"InsyaAllah di Melaka semua kenal Dondang Sayang, melainkan orang luar kerana keliru sama ada ia Ghazal, Joget atau Zapin.

"Dalam irama Malaysia sendiri ada pecahan dia, Dondang Sayang ada rentak dia sendiri, Ghazal lirik lagu lebih romantik, manakala lagu asli lebih melankolik."

"Kalau dalam konteks muzik moden, Dondang Sayang dan Ghazal dalam kategori slow dan rnb, Dondang Sayang juga lagu-lagu balada berasal daripada perkataan dendang dan hiburan mengusik orang," katanya.

Ezrina berkata, menariknya

Dondang Sayang kerana si pembawa boleh berbalas-balas pantun secara spontan.

"Dondang Sayang ini seronoknya sebab kita boleh berbalas pantun, keaslian Dondang Sayang itu akan hilang bila kebanyakan orang dah tak boleh berpantun secara spontan.

"Orang sekarang kurang yang boleh berpantun spontan, sebab sekarang kita menyampaikan bahasa dalam cara yang tidak estetika lagi," katanya lagi.

PLATFORM KETENGAHKAN DONDANG SAYANG

Menurut Ezrina tidak semua platform media sosial mempunyai nilai negatif, malah ia juga menjadi tarikan viran yang boleh menggunakan pantun sebagai salah satu unsur mengajar orang.

"Tinggal lagi masyarakat kita harus memahami kenapa kitagunakan ayat-ayat dalam pantun, itu lah nilai budi bahasanya. Kalau kita nak jadi masyarakat yang tinggi jati diri, kita perlukekalkan sifat dalam pantun tersebut."

"Orang putih pun menganggap pantun ini estetika Bahasa Melayu yang tinggi nilainya serta tak terjangkau di akal mereka, ini lah unik serta manisnya Dondang Sayang."

Justeru, cabaran ini harus dilakukan bersama-sama dan bukan hanya melalui JKKN dalam memaratabatkan kembali Dondang Sayang," katanya.



EZLINA
BAWA KEMBALI NAMA DONDANG SAYANG

Ezrina yang merupakan anak jati Melaka berharap Dondang Sayang dapat dibawa hingga ke pentas bertaraf dunia di masa akan datang.

"Saya ingin bawa Dondang Sayang di pentas bertaraf dunia di Istana Budaya, sebenarnya akan ada satu pementasan cuma kita sedang mengumpul dana untuk laksanakan pementasan yang besar di sana."

"Harap Melaka dipilih selepas ini untuk membuat pementasan lagu berteraskan Dondang Sayang, kita sedang kumpul dana dan apabila semuanya pulih insyaAllah pementasan itu akan dijalankan," katanya.

Katanya, JKKN Melaka dalam usaha mengetengahkan penyanyi dalam kalangan generasi muda sebagai pewaris Dondang Sayang.

"Kita nak mereka (generasi muda) rasa bangga sebab mereka pewaris Dondang Sayang, kita ada ramai pewaris cuma mereka masih segan nak ke depan."

"Terima kasih kepada kerajaan negeri yang memberi sokongan padu, selalu berikan tanggungjawab kepada JKKN untuk melestarikan perkara ini," katanya.



PERSEMAHAN teater muzikal 'Cak Kun Cak' menggunakan Dondang Sayang sebagai latar utama persembahan.

'Meja rezeki' bantu insan terkesan COVID-19

AYER KEROH - "Orang yang membelanjakan hartanya di jalan Allah SWT sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai," itu perumpamaan bagi Nur Lailam Maslan yang menyumbang menerusi 'meja rezeki' miliknya.

Nur Lailam Mustaffa, 29, berkata, usaha itu dimulakan pada awal November lalu bagi membantu insan yang terkesan sejak pandemik COVID-19 melanda negara.

Katanya, insan itu termasuk suaminya yang mengalami kesulitan dalam pekerjaan sedia ada dan terpaksa berniaga gerai secara kecil-kecil menjual pencuci mulut di Taman Tasik Utama.

"Suami saya antara insan yang mengalami kesulitan sejak pandemik COVID-19 berlaku, jadi saya mula membantu suami untuk berniaga 'dessert' di Taman Tasik Utama gerai di tepi jalan.

"Dalam kita kesusahan, bila kita menderma atau membantu orang lain, nikmat atau ganjaran Allah beri adalah lebih lagi.

"Konsep itu kami pegang, kebetulan rakan saya dari Senawang bermurah hati untuk menyumbang kek pisang, saya pula masak 'spaghetti' (35 bungkus) dan donut brownies," katanya.

Katanya 'meja rezeki' bukan hanya memfo-



NUR LAILAM

kuskan golongan susah, malah se- siapa sahaja yang ingin mengambil makanan percuma itu dialukan.

"Tidak kisah sesiapa yang datang nak ambil kerana niat kami adalah untuk menderma.

"Untuk esok (21 November 2020), saya akan sediakan 'spaghetti' 30 bungkus dan ada rakan dari Alor Gajah pula ingin menderma 30 bungkus nasi lemak ayam goreng berempah," katanya.

Nur Lailam berharap agar usaha itu dapat diperluaskan ke seluruh kawasan sekali gus ber- kongsi rezeki dengan golongan yang memerlukan.

"Kita ada 60 bungkus makanan percuma untuk disalurkan, insyaAllah selepas ini kita akan salurkan 100 hingga 200 bungkus pada setiap bulan.

"Jika ada yang ingin berkongsi rezeki boleh salurkan kepada saya untuk saya agihkan kepada golongan memerlukan, jika sekarang hanya sebulan sekali, mungkin selepas ini sebulan dua kali," katanya.

Nur Lailam merupakan ibu kepada dua anak iaitu seorang lelaki berusia lima tahun dan perempuan berusia tiga tahun, manakala suaminya Hassan Maslan, 53, bekerja sebagai operator aktiviti 'outdoor' di Tasik Ayer Keroh.



NUR LAILAM menyediakan makanan untuk disumbangkan kepada orang ramai menerusi 'meja rezeki'.

Sukan lonjak nama UTeM di persada dunia

Liana Sahabudin

DURIAN TUNGGAL - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengiktiraf kakitangannya yang menyumbang kepada pembangunan sukan menerusi Anugerah Sukan Staf, baru-baru ini.

Naib Canselor UTeM, Prof Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim berkata, ia selaras matlamat universiti bagi membentuk warga UTeM yang sihat dan produktif selain mengaplikasikan konsep '1 Staf 1 Sukan'.

"Ia pengiktirafan kepada staf UTeM yang aktif dan mencapai kejayaan dalam aktiviti sukan sekali gus melonjakkan nama UTeM di persada sukan peringkat nasional serta antarabangsa.

"Staf UTeM juga diberi peluang untuk bersaing secara sihat dan terlibat secara langsung dalam aktiviti pembangunan sukan staf," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan Anugerah Sukan Staf di Kampus Induk UTeM, baru-baru ini.

Pada acara itu sebanyak lapan kategori dipertandingan iaitu Anugerah Olahragawan, Anugerah Olahragawati, Anugerah Atlet Harapan dan Anugerah Pasukan Cemerlang.

Selain Anugerah Pasukan Harapan, Anugerah Pengurus Cemerlang, Anugerah Kelab Kecemerlangan dan Anugerah Penggiat Sukan.

Bagi pemenang Anugerah Olahragawan dirangkul Azhar Ab Aziz membawa pulang wang tunai RM500 berserta piala dan sijil penghargaan dan Anugerah Olahragawati dirangkul Radhiah Abd Rahman dengan hadiah yang sama.



PEMENANG bergambar bersama selepas menerima anugerah tersebut.



KELIHATAN antara pengayuh beca yang setia menunggu pelanggan walaupun jumlah pelancong di kawasan tumpuan agak lengang.

Nasib si pengayuh beca

Saliawati Salberi

BANDA HILIR - "Nasib kami sekarang diibaratkan seakan menunggu buah tidak gugur, seharian menunggu belum pasti ada pelanggan yang datang untuk naik beca.

"Apabila tiada pelanggan sudah pasti pendapatan juga tiada, sekiranya situasi ini terus berlarutan apalah akan jadi kepada nasib kami dan apa yang akan dibawa pulang untuk diberi makan kepada keluarga," luah salah seorang pengayuh beca, Abu Bakar Othman.

Menurut Abu Bakar, 61, sejak 20 tahun lalu dia mengayuh beca situasi kali ini ekoran pandemik COVID-19 amat memberi impak kepada dia dan rakan-rakan yang lain apabila bukan sahaja kehilangan pelanggan malah pendapatan susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Katanya, walaupun pulang hampa selepas seharian menunggu pelanggan dia terpaksa keluar setiap hari dengan harapan akan ada rezeki buatnya walaupun hanya dapat seorang pelanggan.

"Saya bernasib baik ke-



RANJIT SINGH

rana beca ini milik sendiri tidak menyewa kalau tidak mungkin keadaan akan lebih teruk lagi kerana perlu mencari duit lain untuk membayar sewa. Oleh sebab itu saya masih bersabar mengharapkan kalau peroleh RM20 pun sudah memadai untuk membela lauk dibawa balik.

"Di usia sebegini untuk mencari pekerjaan memang sukar, mungkin kalau ingin meminta bekerja sebagai tukang kebun pun belum pasti diterima," katanya.

Bagi seorang lagi pengayuh beca Ranjit Singh, 65, berkata, sejak diumumkan pelaksanaan PKPB pada 9 November lalu, dia bersama Abu Bakar dan seorang

lagi rakannya belum menerima seorang pelanggan datang untuk menaiki beca.

Katanya, dia kini buntu memikirkan nasib mereka sekiranya situasi ini terus berlarutan selain mengharapkan akan ada pihak yang tampil membantu dan mendengar keluhan mereka.

"Jika sebelum ini sama ada hari biasa atau cuti pengayuh beca akan berada di beberapa lokasi untuk menunggu pelanggan tetapi kini tidak lagi, yang masih bertahan tidak ramai."

"Jika tidak salah saya, hanya kami sahaja yang masih setia di sini menunggu pelanggan. Sekarang ini nak mengharapkan pelancong luar memang tidak dapat, apa yang diharapkan cuma orang Melaka sendiri bantu dan sokong kami," katanya.

Terdahulu, tinjauan Melaka Hari Ini ke beberapa lokasi yang kebiasanya menjadi tempat pengayuh beca menunggu pelanggan seperti di kawasan Menara Taming Sari dan berhampiran A'Famosa kini sepi tanpa kelbat beca-beca yang dihias cantik, muzik yang dimainkan selain hanya kelihatan tiga beca di hadapan Bangunan Stadthuys.

PNB will continue its commitment to address current economic challenges

KUALA LUMPUR - Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin is confident that the country's biggest investment institution, Permodalan Nasional Bhd (PNB), will continue its commitment to tackle the current economic challenges and improve the returns of its unit trust funds.

"I am very confident (that) PNB will continue to be committed to addressing the prevailing economic challenges and move forward beyond the mandate given to it to increase the returns of its unit trust funds, besides continuing the country's investment education agenda," he said in a video address at the virtual launch of Minggu Saham Digital (MSD) recently.

MSD is the digital adaptation of Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM). It continues MSAM's objective to educate and enhance public understanding on savings and

investment in an edutainment format, whilst showcasing PNB's portfolio of companies and their business operations.

Muhyiddin was also hopeful that MSD would be able to elevate the people's level of understanding on the investment sector, apart from improving their digital skills.

MSD is broadcast daily from 12.30pm to 10.30pm from Nov 18-24 through PNB's official Facebook page and YouTube channel.

Viewers can expect edutainment programmes on finance, investment, entrepreneurship and economy, such as Cikgu CEO, Makan Dulu, Sembang-Sembang ASNB, and ASB-Iclif MBA Masterclass Series.

For more information and programme schedule, visit www.minggusahamdigital.com.my or @minggusahamdigital on Instagram and Facebook.- BERNAMA



MUHYIDDIN is confident PNB will continue its commitment to tackle the current economic challenges and improve the returns of its unit trust funds. (Photo Source Internet)

Budget 2021 MOT to provides incentives to lighten people's burden

KUALA LUMPUR- The Ministry of Transport which receives RM6.05 billion allocation under Budget 2021, will be providing various incentives to benefit the people.

Its Minister Datuk Seri Dr Wee Ka Siong said all initiatives are aimed at easing the burden of the people, more so when the country and people are still facing the COVID-19 pandemic.

Among the initiatives, Wee said is the Stage Bus Services Transformation (SBST) programme which would be extended to Johor Bahru, Kuching, Kota Kinabalu and Kuantan in phases in 2021 until 2023 with an allocation of RM150 million.

"The programme will ensure bus service would be punctual and commuters would be able to rely on the service," he

said in a statement recently on frequently asked questions on his ministry in Budget 2021.

He said the My30 Unlimited Monthly Pass priced at RM30 would be provided for MyKad and MyTentera card holders with Touch 'n Go functions built-in as well as MyRapid concession card for students aged under 12 years old.

Meanwhile the My30 Klang Valley, said Wee would enable passengers to use MyRapid bus and rail while My30 Kuantan and Penang would facilitate passengers using MyRapid bus service.

He said the incentives are better than earlier My50 or My100 cards and would benefit more than two million public transport users.

Through the KTMB Unlimited Monthly Pass priced at

RM5, Wee said it would provide monthly passes for Year One to Form Six school students to travel to and from school while the disabled would benefit in using commuter train service in the Klang Valley, KTM Komuter Northern, Inter-town train between Kuala Lipis and Tumpat and Sabah train in the Beaufort-Tenom line.

He said the incentive would benefit 2,500 school students and 760 disabled people daily.

Meanwhile, Wee said the Road Transport Department will be increasing the number of kiosks to provide various major services such as vehicle road tax renewal apart from channelling RM1,000 to drivers of taxi, e-hailing service, hired car as well as tourist guides in Sabah through the Additional Prihatin Special Grant.

According to him, exemption on sales tax for the purchase of buses complete with air-conditioner would be extended for two years from Jan 1 2021 to Dec 31 2022.

On the East Coast Rail Link (ECRL), Wee said for Section C from Temerloh to Port Klang, the government is studying the best route to ensure ECRL gives maximum impact to the economy when it is completed.

He said the best route which gives the most impact to the people would be announced when the study is completed.

On the allocation for MOT in Budget 2021, Wee said from the RM6.03 billion allocated to the ministry next year, RM1.88 billion is for operating expenditure and RM4.17 billion is for development expenditure.

- BERNAMA

KPDNHEP cracks down on fake items sold online

PUTRAJAYA -

The Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) cracked down on the sale of counterfeit goods online in a raid carried out at a residence in Taman Cheras Jaya in Balakong, Selangor on Tuesday.



ISKANDAR

Its Enforcement Division director Datuk Iskandar Halim Sulaiman said during the raid, the ministry seized shirts and pants of various brands including Adidas, Puma and Nike, believed to be counterfeit goods, with an estimated value of RM67,750.

"The modus operandi of these traders is to advertise counterfeit branded clothes below the market price to attract buyers at online shopping sites," he said in a statement recently.

He said that the complainant, who is also a representative of the brand's trademark holder, managed to trace the location of the distribution place after making an online order through the address of the trader listed on the package.

"After identifying the clothes purchased are counterfeit goods, the complainant then lodged a complaint to KPDNHEP for further action," he said.

Iskandar Halim also said that during the raid, a 45-year-old local man who claimed to be the owner of the premises was detained and the case was being investigated under Section 102 (1) (c) of the Trademark Act 2019.

He also warned individuals or companies to be more responsible and to respect the intellectual property of others.

- BERNAMA



THE Ministry of Transport which receives RM6.05 billion allocation under Budget 2021, will be providing various incentives to benefit the people. (Photo Source Internet)

Posisi Zainal jadi rebutan?

Mohamad Fazrul Abdul Majid

DESAS-DESUS mengenai masa depan Zainal Abidin Hassan bersama Melaka United (MU) menjadi antara isu yang hangat diperkatakan ketika ini.

Apa tidaknya, kini khabar angin bertiu kencang mengaitkan posisi Ketua Jurulatih MU sudah mula menjadi rebutan ramai.

Menurut sumber terdekat, difahamkan Persatuan Bola Sepak Melaka United (MUSA) kini telah menerima beberapa 'resume' daripada jurulatih dalam dan luar negara untuk memimpin skuad Hang Tuah dalam saingan Liga Malaysia musim depan.

Sumber itu menyebut terdapat kira-kira enam ke tujuh jurulatih menyuarakan minat mengambil alih tempat Zainal Abidin yang sekadar membawa pasukan menduduki tangga ke-9 Liga Super musim lalu.

Namun, nama jurulatih tersebut tidak didekahkan sumber itu sebaliknya mengatakan perkara itu akan diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Khas MUSA dalam masa terdekat.

Bagaimanapun di pihak penyokong, sudah ada beberapa nama dicanang-canang berpotensi mengambil alih posisi Ketua Juru-

latih MU.

Ada yang menyebut rakan baik Zainal, Dollah Salleh mungkin akan dibawa ke Melaka, malah tidak kurang juga menyebut jurulatih asing mungkin dibawa untuk memperkuat pasukan seperti yang dilakukan Selangor.

Bagi Pentadbir Kelab Tegar Melaka United (KTMU) yang mesra dengan panggilan Rinkashi berkata, sebagai penyokong pihaknya menyerahkan sepenuh kuasa kepada MUSA untuk menentukan hala tuju pasukan.

Katanya, seandainya MUSA memilih untuk mengekalkan Zainal, pihaknya tidak mempunyai masalah dan jika MUSA mengambil jurulatih baharu juga ia diperlukan mampu mendatangkan kebaikan buat pasukan.

"Sama ada kekalkan Zainal atau bawa masuk jurulatih baharu kita sebagai penyokong meletak kepercayaan kepada pengurusan. Bagi saya ia tiada masalah asalkan itu perkara terbaik untuk pasukan.

"Cuma satu yang diharapkan ialah anda kata berlaku pertukaran, kita mahu Ketua Jurulatih tiba dahulu sebelum pemain. Kita tidak mahu pisang berbau dua kali kes seperti Eric Williams dahulu yang mana pemain sampai dahulu sebelum jurulatih dan hasilnya boleh di-

katakan sangat teruk," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Bagaimanapun, Rinkashi berkata, seandainya penyokong diberi peluang untuk memilih seorang jurulatih baharu memimpin Melaka, pihaknya berharap bekas pengendali Melaka United di pertengahan musim 2018, E Elavarasan dapat masuk ke dalam senarai pendek pihak pengurusan.

Jelasnya, Elavarasan yang pernah menyelamatkan MU sewaktu menduduki tangga tercorot dahulu wajar dipertimbangkan kerana dia telah membuktikan kemampuannya sebelum ini mencorakkan suatu idea dan taktikal 'fresh' untuk pasukan.

"Nama Elavarasan memang sentiasa bermain di hati. Dia ambil alih pasukan dalam keadaan tidak tersusun dan mampu mencorakkan sesuatu yang luar biasa kepada pasukan ketika itu. Namun, sayangnya dia tidak dikekalkan pengurusan terdahulu.

"Jika diberi peluang, memang saya ingin lihat Elavarasan memimpin semula pasukan dan mengetahui sendiri apa yang mampu diberi dan dijanjikan bukan sahaja kepada pengurusan dan pemain tetapi juga untuk penyokong setia Melaka United dan anak jati Melaka itu sendiri," katanya lagi.



PELUANG Zainal untuk kekal memimpin MU dikatakan semakin tipis.



RINKASHI meletakkan harapan bekas pengendali Melaka United di pertengahan musim 2018, E Elavarasan dapat masuk ke dalam senarai pendek pihak pengurusan MUSA.



NAMA Dollah Salleh antara yang disebut sebagai pengganti Zainal oleh segelintir pemerhati bola sepak tempatan.

Kontrak Yusri Che Lah tidak disambung

"Bola sepak hari ini lebih kepada kepentasan, kebijaksanaan untuk menjaringkan gol bagi meraih kemenangan dan bijak memerangkap pasukan lawan". - Yusri Che Lah

KELANTAN FC tidak akan menyambung kontrak ketua jurulatih Yusri Che Lah serta tiga pembantunya iaitu Tengku Hazman Raja Hassan, Azli Mahmood dan Ismail Chawalit Abu Bakar.

Pemilik Kelantan FC Norizam Tukiman berkata langkah drastik itu adalah rombakan yang dibuat terhadap barisan kejurulatihan skuad The Red Warriors (TRW) bagi memperkasakan pasukan itu mengharungi saingan Liga Malaysia (Liga-M) musim 2021.

"Perubahan itu nampak drastik, namun Kelantan FC perlu berani jika mahu memburu slot ke Liga Super dan kejuaraan lain musim hadapan...langkah ini sangat penting kerana saya mahu membentuk pasukan menggunakan acuan sendiri yang mempunyai

mentaliti memburu kejuaraan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Skuad TRW di bawah kendalian Yusri berada pada kedudukan keenam dalam carta Liga Premier dan layak menyertai saingan Piala Malaysia.

Norizam berkata Kelantan FC sudah menerima permohonan jurulatih dari Sepanyol, Hungaria, Jerman dan beberapa negara untuk menggalas tanggungjawab sebagai pengendali utama pasukan selain permohonan daripada beberapa jurulatih tempatan.

Katanya, beliau mahu jurulatih



YUSRI

yang dipilih itu berpengalaman serta dapat bekerjasama dengan pemain dan pihak pengurusan untuk membentuk pasukan mantap.

"Saya mahu jurulatih itu mampu menerapkan mentaliti menjaringkan gol dan meraih kemenangan serta taktikal bertahan turut diperlukan supaya Kelantan FC tidak mudah dibolosi pihak lawan.

"Bola sepak hari ini lebih kepada kepentasan, kebijaksanaan untuk menjaringkan gol bagi meraih kemenangan dan bijak memerangkap pasukan lawan," katanya. - BERNAMA

Hoki Piala Remaja Asia 2020 diadakan pada Julai 2021

KEJOHANAN Piala Remaja Lelaki Asia 2020 yang ditangguh dua kali berikutan pandemik COVID-19 akan diadakan di Stadium Hoki Nasional Maulana Bhashani di Dhaka, Bangladesh dari 1 hingga 10 Julai 2021.

Menurut Persekutuan Hoki Asia (AHF) dalam laman web www.asiahockey.org baru-baru ini, tarikh baharu itu diluluskan oleh Persekutuan Hoki Antarabangsa (FIH).

AHF menegaskan pemain yang lahir pada atau selepas 1 Jan 1999 layak mengambil bahagian dalam kejohanan itu yang menjadi perlawanan kelayakan untuk Piala Remaja Lelaki Dunia 2021 di India.

Sebanyak 10 pasukan akan mengambil bahagian dalam kejohanan itu iaitu Malaysia, China, Taiwan, India, Jepun, Korea Selatan, Oman, Uzbekistan, Pakistan, dan tuan rumah Bangladesh.

Kejohanan itu pada mulanya dijadual diadakan pada 4 hingga 12 Jun, tetapi pada September lepas, ia ditunda ke 21 hingga 30 Jan 2021, sebelum AHF sekali lagi membuat keputusan untuk menangguh kejohanan itu ke satu tarikh susulan pandemik COVID-19. - BERNAMA



ABU SAMAH

"Ada banyak perkara yang mesti difikirkan oleh semua pihak termasuk

PKBM dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Saya percaya Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) akan menerima penjelasan kami kerana ia dicapai dan diputuskan berdasarkan suasana yang sangat mendesak," katanya dalam kenyataan hari ini.

Abu Samah menjelaskan PKBM selaku pemegang hak pengajuran LTdL akan memberi penjelasan terperinci kepada UCI dengan kadar segera bagi memu-

dahkan pasukan yang telah menerima jemputan untuk membuat tindakan susulan.

Keputusan untuk membatalkan perlumbaan berbasikal paling elit di benua Asia itu dicapai secara sebulat suara ketika mesyuarat khas melibatkan beberapa pihak termasuk KBS, pada baru-baru ini.

"Keputusan ini dicapai memandangkan kesuntukan masa untuk semua pihak melakukan persiapan rapi ekoran pandemik COVID-19

yang melanda dunia sejak awal tahun ini. Apakah lagi keputusan untuk membatalkan Sukan Malaysia (Sukma) Johor juga telah dibuat.

"Jadi, adalah lebih baik kalau keputusan untuk membatalkan LTdL 2021 turut dilakukan. Saya harap keputusan ini baik untuk semua pihak," katanya.

Abu Samah yang juga naib presiden kehormat Konfederasi Berbasikal Asia (ACC) turut mendedahkan ada percubaan oleh pihak

tertentu untuk menganjurkan LTdL 2021 pada September tahun hadapan, namun ia tidak berjaya mendapatkan tarikh pengajuran bersesuaian daripada UCI.

Hal itu kerana Jelajah Malaysia 2021 juga akan diadakan pada September tahun hadapan, jadi agak mustahil menganjurkan LTdL 2021 pada September tahun depan ekoran kesukaran untuk mendapatkan penyertaan pasukan elit dunia. - BERNAMA

LTdL 2021 dibatalkan, anjur semula pada 2022

PENGGANTI ZAINAL?

KHABAR angin mengenai masa depan Ketua Jurulatih Melaka United, Zainal Abidin Hassan kembali 'panas' ketika ini. Malah, menurut sumber terdekat, difahamkan MUSA kini telah menerima beberapa 'resume' daripada jurulatih dalam dan luar negara untuk memimpin skuad Hang Tuah dalam saingan Liga Malaysia musim depan.

MS23



Hoki Piala Remaja Asia
2020 diadakan
pada **Julai 2021**

MS23

Kontrak Yusri
Che Lah tidak
disambung

MS23



LTdL 2021 dibatalkan

MS23

